

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ZULKIFLI BIN ISMAIL  
PELAKON TANAH AIR  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI  
PELAKON VETERAN NEGARA

OLEH:

MUHAMMAD AIMAN HAKIM BIN ALJEFFRI

(2020465522)

MUHAMMAD HAFIZ BIN SUPRAN

(2020618668)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2021 – FEBRUARI 2022)

## ISI KANDUNGAN

	<b>Isi Kandungan</b>	<b>M/S</b>
<b>Nombor Roman</b>	<b>Abstrak</b>	I
	<b>Penghargaan</b>	II
	<b>Senarai Abreviasi</b>	III
	<b>Senarai Singkatan</b>	IV
	<b>Rujukan Kata</b>	V
<b>1.0</b>	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
<b>2.0</b>	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	4
<b>3.0</b>	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	6
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	6 - 7
<b>4.0</b>	Kajian Literatur	7 - 10
<b>5.0</b>	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	11 – 52
<b>6.0</b>	Log Temubual	52 – 57
<b>7.0</b>	Ralat	57
<b>8.0</b>	Glosari	58 – 64
<b>9.0</b>	Indeks	65 - 66

<b>11.0</b>	Bibliografi	<b>67 - 68</b>
<b>12.0</b>	Lampiran	
	11.1 Surat Perjanjian	69
	11.2 Senarai Soalan	70 – 76
	11.3 Diari Penyelidikan	77
11.4 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan	78 - 79	

## **Abstrak**

*Temubual ini dilakukan bersama pelakon veteran yang dikenali di Malaysia iaitu Zulkifli Bin Ismail atau lebih dikenali sebagai Zulkifli Ismail dan sesi temubual ini dilakukan adalah untuk mengetahui beliau dalam industri seni di Malaysia. Temubual ini dilakukan secara virtual iaitu melalui Google Meet yang dilakukan pada 13 hari bulan Februari 2022 bermula pada jam 4:30 pagi sehingga 7:10 malam. Zulkifli Ismail bermula berlakon dalam industri seni selepas Zulkifli diperkenalkan oleh TV3 sebagai pelakon utama dalam slot cerekrama ‘Basikalku’ pada sekitar tahun 1986, pada tahun yang sama Zulkifli ke Universiti Sains Malaysia untuk mengikuti pengajian Sijil Seni Kreatif. Sekembali dari USM, Zulkifli menyertai RTM semula sebagai penulis skrip dan penyampai di unit Berita Ehwal Semasa. Sejak tahun 1992 hingga kini, beliau menjadi pelakon sepenuh masa. Bakat lakonan beliau mula dikesan oleh Allahyarham Nasir Ali ketika sedang menyaksikan teater di Dewan Bagunan Kuala Lumpur (DBKL). Sebelum ini beliau merupakan seorang penulis, Semasa menulis, Zulkifli pernah menggunakan beberapa nama samaran termasuk ‘Arjuna Setia’ dan ‘Dzul Isma’. Sejak berusia 16 tahun, sajak-sajaknya sering tersiar di akhbar, majalah dan radio. Sajaknya yang pertama berjudul ‘Ramadhan Tiba Tika Aku Masih Lena’ disiarkan di akhbar Bintang Timur.*

**Kata kunci:** Zulkifli Ismail, lakonan, veteran, artis, pelakon

## **Abstract**

*This interview was conducted with a well-known veteran actor in Malaysia, namely Zulkifli Bin Ismail or better known as Zulkifli Ismail and this interview session was conducted to get to know him in the entertainment industry in Malaysia. The interview was conducted virtually through Google Meet which was conducted on 13 of February 2022 starting at 4:30 am until 7:10 pm. Zulkifli Ismail started acting in the entertainment industry after Zulkifli was introduced by TV3 as the lead actor in the ‘Basikalku’ cerekrama slot around 1986, the same year Zulkifli went to Universiti Sains Malaysia to study for a Creative Arts Certificate. After returning from USM, Zulkifli rejoined RTM as a scriptwriter and presenter in the Current Affairs News unit. From 1992 to the present, he has been a full -time actor. His acting talent was first spotted by the late Nasir Ali while watching the theater at Dewan Bagunan Kuala Lumpur (DBKL). Before this he was a writer, while writing, Zulkifli used to use several nicknames including ‘Arjuna Setia’ and ‘Dzul Isma’. Since the age of 16, his poems have often appeared in newspapers, magazines and radio. His first poem entitled ‘Ramadhan Tiba Tika Aku Masih Lena’ was published in Bintang Timur newspaper.*

**Keywords:** Zulkifli Ismail, actor, veteran, artist, actor

# **Penghargaan**

Bismillahirahmanirahim...

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat saya menyempurnakan tugasan bagi kod subjek oral dokumentasi (IMR 604) ini dengan jayanya.

Yang pertama kalinya, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana telah memberikan kepercayaan sepenuhnya kepada kami dalam kami menyelesaikan tugasan yang tertakluk bersama subjek ini.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tak terhingga buat pihak-pihak yang telah bersama dengan kami sepanjang proses penyiapan tugasan ini. Kredit yang tinggi diberikan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana telah memberi tunjuk ajar dan panduan yang telus dalam membantu kami dalam tugasan ini. Di samping itu, kami juga ingin memberikan setinggi penghargaan kami kepada rakan-rakan seperjuangan yang juga telah sedikit sebanyak menghulurkan tangan pertolongan dan sokongan kepada kami dalam tugasan ini.

Akhirnya, ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada mana-mana pihak yang secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam penyempurnaan tugasan ini. Setiap tanda pertolongan yang diterima oleh kami sangat dihargai dan teramatlah membantu sebagai sokongan kami untuk melaksanakan tugasan ini bersama.

Sekian, terima kasih

## **Senarai Abbreviasi**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
ASP	Asisten Superitendan Polis
ASWARA	Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan
COVID	Coronavirus Disease
DSP	Deputi Superitendan Polis
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
OKU	Orang Kurang Upaya
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SPM	Selamat Pagi Malaysia/Sijil Pelajaran Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
STAR	Sekolah Tunku Abdul Rahman
STP	Sijil Pelajaran Tinggi
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia

## **Senarai singkatan**

E.Z : Zulkifli Bin Ismail

M.H : Muhammad Hafiz Bin Supran

A.H : Aiman Hakim Bin Aljeffri

## Rujukan kata

Ambik	Ambil
Diorang	Mereka
Ea	Ya
Je/saja	Sahaja
Jugak	Juga
Kat	Dekat
Kat	Dekat, Di
Kecik	Kecil
Lepastu	Selepas Itu
Masatu	Masa Itu
Sape	Siapa
Tak Tau	Tidak Tahu
Takda	Tiada
Takpelah	Tidak Apa Lah
Talipon	Telefon
Tau	Tahu
Tengah duk	Sedang
Tu	Itu
Tula	Itu la

## **1.0 Biodata Penemubual**

### **1.1 Penembual pertama**



<b>Nama</b>	Aiman Hakim Bin Aljeffri
<b>Tarikh lahir</b>	13/04/1999
<b>Tempat lahir</b>	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang
<b>Alamat</b>	A-6-13, Pangsapuri Kristal Heights Jalan 7/70G Seksyen 7 40000 Shah Alam Selangor
<b>No. Telefon</b>	018-2817256
<b>Email</b>	aimanhkm007@gmail.com
<b>Program</b>	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

1.2 Penemubual kedua



<b>Nama</b>	Muhammad Hafiz bin Supran
<b>Tarikh lahir</b>	4 Jun 1997
<b>Tempat lahir</b>	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru
<b>Alamat</b>	33, Jalan Rumbia 52, Taman Daya, 81100 Johor Bahru, Johor.
<b>No. Telefon</b>	011-61329707
<b>Email</b>	adfized@gmail.com
<b>Program</b>	Pengurusan Sistem Maklumat (IM245)

## **2.0 Biodata tokoh**

### **2.1 Biodata tokoh**



Nama	Zulkifli bin Ismail
Nama samaran	Zulkifli Ismail
Tarikh lahir	26 April 1963
Tempat lahir	Alor Setar, Kedah
No. telefon	-
Profession	Pelakon
Bidang	Lakonan

## 2.2 Pengenalan kepada Tokoh

Zulkifli bin Ismail atau nama komersilnya Zulkifli Ismail merupakan seorang pelakon veteran yang cukup dikenali dalam masyarakat Malaysia. Lakonan beliau yang menghiasi pelbagai drama dan filem di kaca televisyen dan layar panggung telah menjadi satu karakter penting dalam perkembangan perfileman dan lakonan di Malaysia sehingga kini dan telah menjadi satu watak yang penting dalam industri hiburan Malaysia. Beliau dilahirkan pada 26 April 1963 di Alor Setar, Kedah dan merupakan anak tunggal seibu seayah, tetapi selepas ibubapanya berpisah, beliau mempunyai 3 beradik tiri seibu dan 3 beradik tiri seayah. Beliau telah mendapat pendidikan awal sekolah rendah di Sekolah Rendah Sri Gunung yang dahulunya Sekolah Rendah Inggeris Gunung di Kedah dan melanjutkan pendidikan beliau sehingga mendapat Sijil Seni Kreatif di Universiti Sains Malaysia.

Pada awal karier beliau pada tahun 1985, beliau merupakan seorang wartawan di syariakt akhbar terkemuka di Malaysia iaitu Utusan Melayu, sebelum memutuskan untuk meninggalkan dunia kewartawanan setahun kemudian untuk menceburi bidang lakonan. Beliau ditawarkan untuk berlakon untuk pertama kali oleh Allahyarham Nasir Ali dan hasil pertama karya lakonan beliau merupakan sebuah drama telefilem yang berjudul '*Basikalku*' dan bermulalah perjalanan beliau sebagai seorang pelakon dalam industri hiburan tanah air hingga kini. Wataknya yang paling dikenali dan menjadi satu *trend* suatu ketika dahulu ialah watak sebagai ASP Razlan dalam siri drama kepolisan yang popular di negara ini, iaitu '*Gerak Khas*'.

## **3.0 Sejarah Lisan**

### **3.1 Pengenalan**

Sejarah lisan adalah merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam membuat penyelidikan sejarah. Antara tujuan kaedah ini dipakai adalah kerana kaedah ini membolehkan penyelidik untuk mendapatkan dan memberi kepastian kepada suatu topik yang sedang diselidik berdasarkan maklumat dan bukti yang didapati. Kebiasaannya, kaedah ini menggunakan saksi-saksi kejadian atauapun sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung pada masa kejadian itu terjadi. Oleh itu, kaedah ini lazimnya diletakkan sebagai sumber utama atau sekunder. Maklumat yang ingin didapati selalunya akan diperoleh melalui pertanyaan, temubual ataupun kajian lisan dari temuduga yang dilakukan ke atas sumber tersebut.

Apabila sebuah rekod itu hilang atauapun tidak lengkap, penyelidik juga menjadikan sejarah lisan sebagai salah satu alternatif dalam membina semula dan mendapatkan lebih gambaran penuh terhadap suatu peristiwa yang telah terjadi pada masa lalu. Sumber-sumber seperti sumber bertulis akan dapat manfaat yang lebih dengan penambahan maklumat dalam kajian sedia ada, dengan adanya bukti sejarah yang direkodkan dan membantu untuk penyelidik melihat adakah sejarah lisan yang diterima selari dengan sumber yang sedia ada.

### 3.2 Objektif Sejarah Lisan

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat asas atau latar belakang Zulkifli Ismail serta keadaan dan perkembangan beliau dalam bidang lakonan semasa negara dilanda wabak Covid-19, selain memberi fokus lain kepada perkembangan karier beliau sebagai pelakon seni tanah air. Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Dapat menjawab semua persoalan berkenaan kajian ini.
- ii. Mengenali lebih mendalam tentang industri hiburan.
- iii. Untuk menyatakan sumbangan yang telah beliau berikan untuk industri seni negara ini.

### 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan

Industri hiburan di Malaysia khususnya dalam bidang lakonan telah menyaksikan pelbagai seniman-seniman yang terlahir dan menempa nama sebagai lagenda-lagenda lakonan filem tanah air. Nama-nama seperti Allahyarham P. Ramlee, Allahyarham S. Shamsudin dan Allahyarham Aziz Satar adalah bukan nama asing dalam kalangan masyarakat tempatan. Lakonan mereka dan juga nama-nama lain sudah sebatik dalam masyarakat, menandakan bahawa industri perfilman Malaysia bukanlah perkara baru. Oleh itu, seni lakonan boleh dianggap sebagai satu kaedah untuk menyampaikan mesej, mengketengahkan sesuatu yang bermoral atau penting selain menjadi salah satu hiburan di negara ini. Di era kini, industri seni lakonan juga tidak kurang hebatnya yang masih mengekalkan fungsi asalnya selain mengikut isu dan peredaran masa dan perkembangan teknologi.

Dalam pada itu, kajian sejarah lisan ini boleh dijadikan sumber pengetahuan dan sumber ilmu oleh masyarakat untuk mengenali dengan lebih mendalam tentang seni lakonan tanah air. Penulisan melalui kaedah sejarah lisan sebegini dapat membantu penyelidik dalam mendapatkan maklumat dan pengetahuan tentang dunia lakonan dari Encik Zulkifli Ismail yang telah menempa nama sebagai pelakon negara selama 37 tahun. Pengalaman beliau yang luas dalam seni lakonan juga menyumbang dalam maklumat perjalanan karier seorang pelakon di negara ini.

Di samping itu, kajian ini juga berperanan dalam mendedahkan dan membawa ilmu pengetahuan seorang pelakon dalam industri lakonan untuk dijadikan bahan rujukan masyarakat. Melalui kaedah temubual yang dijalankan bersama seorang yang sudah lama berada dalam industri ini, pelbagai input dan pandangan dari beliau yang dapat diperolehi dan didokumentasikan menjadi bahan bacaan kepada masyarakat. Pendedahan pengalaman dan perspektif yang luas dalam industri lakonan juga membantu dalam memberikan gambaran tentang keadaan industri ini yang telah mengalami peredaran masa yang pesat di samping perubahan cara dan teknologi yang digunakan dalam industri ini. Oleh itu, perkongsian oleh Encik Zulkifli ini sangat bermakna dan diharap dapat dijadikan inspirasi kepada generasi akan datang.

## 4.0 Kajian Literatur

Tinjauan ini membincangkan tentang pendapat kajian lepas kerana ia sangat penting. Kerana sorotan itu, adalah terbukti bahwa Zulkifli Ismail adalah veteran yang disegani. Seterusnya, ia juga sangat penting kerana ia boleh dijadikan sebagai bukti bahawa kajian ini adalah berbeza dengan kajian-kajian lepas. Perkara yang diambil kira dalam sorotan ini ialah artikel-artikel seperti surat khabar. Kajian literatur ini banyak menggunakan artikel daripada surat khabar kerana kajian tentang Zulkifli Ismail ini belum dikaji oleh pengkaji lepas. Selain artikel surat khabar terdapat juga artikel persidangan dan jurnal.

Perjalanannya dalam dunia lakonan boleh disifatkan secara tidak sengaja ketika sedang duduk bersantai menyaksikan latihan teater yang giat dijalankan. Zulkifli Ismail mengaku dia mempunyai minat yang mendalam terhadap lakonan walaupun beliau merupakan seorang wartawan ketika itu. Beliau menerima tawaran pertama oleh TV3 kerana stesen TV itu mencari ramai pelakon tambahan yang muda dan berwajah seperti pelajar untuk drama. Arwah Nasir memberikan nombor kepada beliau untuk hubungi stesen TV tersebut untuk menjalani sesi uji bakat. Adman Salleh mengagumi bakat yang dimiliki Zulkifli Ismail dan menyatakan watak pelakon tambahan tidak sesuai untuk beliau kerana Adman Salleh merasakan Zulkifli Ismail mampu untuk memegang watak utama atau pembantu. Tambahan pula, Zulkifli Ismail diberikan janji oleh Adman Salleh bahawa beliau akan dipanggil sekiranya terdapat watak sesuai. Seminggu

kemudian Zulkifli Ismail menerima panggilan bahawa dia mendapat watak utama drama Basikal Ku pada tahun 1986.

Menurut Berita Harian Online (2021) Ditanya pernahkah rasa menyesal memilih kerjaya lakonan, sedangkan mempunyai kerjaya tetap sebagai wartawan, Zulkifli berkata, ada kala pernah juga terdetik alangkah beruntungnya jika masih bekerja dan mempunyai pendapatan tetap. Namun, pada masa sama, Zulkifli sentiasa percaya kepada takdir dan ketentuan Ilahi.

Malah, bersyukur disebabkan kerjaya sebagai pelakon bertemu dengan isterinya. Mengenai pembabitan anak-anaknya dalam bidang seni, Zulkifli berkata, dia tidak pernah menghalang sekiranya mereka berminat bergelar pelakon. Namun, anak sulung, Zulfati Izazi, 29, bertugas sebagai pensyarah di sebuah universiti di Korea Selatan mengajar bahasa Malaysia, manakala anak kedua, Zul Zarif Irfan, 24, pula masih menuntut di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dalam jurusan perfilman. "Zulfati pernah berlakon sewaktu berusia 11 tahun. Namun, saya terpaksa menghentikannya daripada berlakon supaya dapat memberikan tumpuan pada peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Ini kerana apabila terlalu sibuk berlakon, pelajaran banyak tertinggal. "Saya juga melihatnya penat kerana perlu membahagikan masa antara lakonan dan pelajaran. "Saya hanya izinkan berlakon selepas tamat pengajian, namun Zulfati tidak lagi berminat apabila menghabiskan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PHD).

Mstar Online (2011), Pelakon Gerak Khas, Zulkifli Ismail berjaya merubah tabiat buruknya sebagai seorang perokok tegar apabila berjaya meninggalkan tabiat itu sejak enam bulan lalu. Katanya dia tidak menyangka yang dirinya mampu melakukan sedemikian walhal sebelum ini dia boleh menghisap sehingga 30 batang sehari. Zulkifli mengalu-alukan sesiapa yang ingin meminta nasihat daripadanya jika mahu berhenti merokok.

Keratan akhbar Berita Harian (2021) pula menceritakan tentang isu bayaran pelakon veteran yang tidak setimpal dengan bakat dan pengalaman, malah, ada antara mereka mendakwa diperlekehkan syarikat produksi, memberi bayangan rendahnya nilai diberi segelintir penggerak industri kreatif terhadap insan seni ini. Betapa tinggi apresiasi pembikin filem Hollywood terhadap nilai seni dan bakat bintang 'senior' seperti Meryl Streep yang masih diberi peranan teraju utama pada usia 72 tahun, malah, menggondol trofi Pelakon Wanita Terbaik, Anugerah Akademi, pada usia emas, jika dibandingkan dengan senario di Malaysia. Tidak hairanlah, isu bayaran tidak setimpal, layanan kelas kedua dan diugut syarikat produksi sering disuarakan pelakon veteran sejak dahulu lagi. Bukan sengaja mengada-adakan cerita atau meraih simpati, namun, situasi itulah yang dihadapi aktor senior berkaliber, Jalil Hamid sepanjang empat dekad bergelar anak wayang.

Keluarga (2022) pula menceritakan tentang anak perempuannya akan melangsungkan perkahwinan di mana ia menyatakan Zulkifli Ismail titip rasa bersyukur majlis perkahwinan anak perempuannya itu berjalan dengan lancar. Wajahnya sering menghiasi kaca TV menerusi drama sejak dahulu lagi, pemilik nama Zulkifli Ismail ini sememangnya cukup berbakat dalam dunia lakonan. Jika segelintir artis memilih untuk tidak berkongsi kisah berkenaan keluarga, berbeza dengan pelakon senior ini. Sebelum ini, Zulkifli Ismail berkongsikan perihal kejayaan anak perempuannya, Zulfati Izazi yang berjaya mendapatkan PhD di Pusat Bahasa, Literasi dan Terjemahan Universiti Sains Malaysia dan membawa gelaran Dr. Terbaharu dia memuat naik khabar gembira apabila anak gadisnya itu selamat diijabkabulkan.

Media hiburan (2020), pelakon senior, Zulkifli Ismail berkongsi keratan akhbar berkisar kes pembunuhan kejam Ketua Polis Negara Ke-3, Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman Hashim sekitar 46 tahun lalu. Jelasnya, Allahyarham ditembak mati kerana berada di dalam kereta rasmi di persimpangan Jalan Tun Perak dan Jalan Pudu di Kuala Lumpur. Malah bintang senior ini turut mengenang memori masih apabila berpeluang berjumpa empat mata dengan Abdul Rahman ketika arwah pulang ke kampung.

Media hiburan (2019), Hampir bebas selepas hampir empat bulan terkurung akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), aktor Zulkifli Ismail menasihati agar rakyat Malaysia tidak terlalu teruja akan pelepasan yang diberikan pihak kerajaan. Jelasnya, kita diibaratkan sebagai kura-kura tanpa cengkerang yang mudah terdedah dengan risiko sementelah negara masih lagi mencatatkan 31 jumlah pesakit hari ini.

Berita harian (2022), isu kekangan bajet mungkin menjadi punca artis veteran ditawarkan bayaran rendah. Penerbit drama, Fadzil Teh, berkata mengikut amalan standard, artis veteran dibayar antara RM1,500 hingga RM2,000 setiap episod bagi watak pelakon pembantu. Mereka juga sepatutnya dibayar antara RM3,000 hingga RM4,000 setiap episod jika menjadi teraju utama. Sehubungan itu, tidak sepatutnya timbul dakwaan pelakon 'senior', Jalil Hamid ditawarkan RM150 andai mengikut kadar yang biasa dipraktikkan penerbit drama. Bagi mengelak artis veteran menerima kadar bayaran tidak berpatutan, Fadzil yang juga pemilik Zeel Production mencadangkan persatuan mewakili artis veteran berbincang mengenai perkara itu. Bersandarkan rasa simpati dan enggan mempersiakan bakat pelakon veteran, Fadzil berusaha menerbitkan drama yang memberi peluang kepada artis veteran untuk memegang watak utama, namun, tertakluk kepada kelulusan penyiar.

## **5.0 Transkrip Temubual Bersama Tokoh**

### **Pengenalan**

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lakonan. Bersama-sama kami ialah Encik Zulkifli bin Ismail yang merupakan pelakon seni tanah air dari tahun 1986 sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 Februari 2022 bersamaan dengan hari Ahad pada jam 4.30 petang. Sesi temubual ini dijalankan dengan menggunakan platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Hafiz bin Supran dan Aiman Hakim bin Aljeffri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**M.H : Okay Encik Zulkifli, saya mulakan sesi pertama iaitu mengenai latar belakang encik, latar belakang peribadi. Okay, apakah nama penuh Encik Zulkifli?**

**E.Z : Bismillahirahmanirahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memilih saya untuk di temubual. Nama penuh saya memang Zulkifli bin Ismail. Saya tidak menggunakan nama samaran, untuk berlakon, saya tidak menggunakan nama samaran. Waktu menulis dulu-dulu ada jugalah menggunakan nama samaran. Jadi maknanya sekarang, Zulkifli Ismail tu memang nama saya yang sebenar.**

**M.H : Okay baik, bilakah tarikh lahir Encik Zulkifli?**

**E.Z : Saya lahir pada dua puluh enam [26] bulan April 1963.**

**M.H : Okay, adakah encik mempunyai nama gelaran di kalangan keluarga atau rakan-rakan ataupun pada masa lalu?**

**E.Z : Saya biasa dipanggil Zul, maksudnya yang muda Abang Zul, yang lagi muda Pakcik Zul. Ada juga yang panggil Pak Long, - - dalam kalangan anak buah saya, Pak Long. Selain dari itu, oleh kerana drama pertama lakonan saya tu judul dia Basikalku, jadi ada kawan-kawan yang panggil saya Zul Basikal. Sampai ke hari ni, ada yang panggil saya Zul Basikal, malah ada juga yang terus panggil saya “Basikal!”, pun ada juga. Tapi tu dalam kalangan kawan-kawan yang rapat, bersempena dengan judul drama pertama saya, Basikalku. Selain dari itu, macam keluarga saya begitu mementingkan susunan pangkat tu, jadi pada sepupu-sepupu saya yang lebih tua dari saya, tetapi mereka akan memanggil saya Adik Zul. Mereka tak panggil Zul, sebagai tanda hormat dia panggil Adik Zul. Dan kalangan mak-mak sedara pulak ada yang panggil saya Anak Zul. Biasa, itu sajalah gelaran yang saya ada setakat ni. Oh ya, masa saya menjadi hos Selamat Pagi Malaysia di RTM, ada jugak panggil saya Zul SPM. SPM tu maksudnya ‘selamat pagi malaysia’. Ya, kemudian apabila saya menyertai drama Gerak Khas, ada jugak yang panggil saya Zul Gerak Khas. Jadi - - tapi sekarang ni**

saya dah lebih 10 tahun meninggalkan siri ‘*Gerak Khas*’, jadi nama-nama tu hampir dah dilupakan kecuali Basikal (ketawa) masih ada satu dua orang yang panggil saya Zul Basikal. Tu je.

**M.H : Okay okay baik Encik Zulkifli. Okay, saya seterusnya. Di manakah Encik dilahirkan dan dibesarkan?**

**E.Z : Saya dilahirkan di negeri Kedah, di Alor Setar, Kedah. Mengikut dalam kad pengenalan saya tu, Kampung Sematang, Kedah. Kampung Sematang tu kalau ikutkan penuhnya Kampung Sematang Gunung ataupun Kampung Permatang Gunung. Berhampiran dengan - - tidak jauh la tidak jauh dari Gunung Keriang. Gunung Keriang tu kampung ayah saya, Gunung Keriang tu terkenal dengan Muzium Padi. Kemudian, oleh kerana berlakunya perpecahan dalam keluarga, ada perceraian dan sebagainya, saya dibesarkan oleh nenek saya di Alor Janggus, juga tak jauh dari, dari tempat lahir saya.**

**M.H : Okay baik Encik Zulkifli. Okay soalan seterusnya, berapakah bilangan adik-beradik Encik dan Encik merupakan anak yang ke berapa?**

**E.Z : Soalan adik-beradik agak susah untuk saya jawab, memandangkan kalau ikutkan sebu dan seayah, saya anak tunggal. Sebu seayah, saya anak tunggal. Emm, saya ada abang, tapi abang saya meninggal sewaktu kecil. Jadi, saya sepatutnya anak kedua, tapi oleh kerana abang saya tu meninggal hanya untuk beberapa hari, meninggal, jadi saya dianggap menggantikan anak yang sulung, sebab tu saya dipanggil abang long, pak long dan sebagainya. Baik, apabila ibu dan ayah saya berpisah, mereka berkahwin semula dengan pasangan masing-masing, ayah saya ada tiga anak dengan mak tiri, manakala mak saya pula ada tiga anak dengan ayah tiri. Jadi maknanya, saya ada 6 adik, 3 seayah lain mak, 3 lagi sama mak tapi lain ayah. Okay.**

**M.H : Okay terima kasih Encik Zul. okay, saya teruskan kepada soalan seterusnya. Apakah hobi kegemaran yang selalu dilakukan pada waktu lapang Encik?**

**E.Z** : Kalau nak ikut hobi dari dulu saya suka membaca. Sewaktu kanak-kanak, saya akan pastikan saya membaca akhbar setiap hari. Setiap hari saya akan pastikan saya membaca. Akhbar pada waktu tu yang popular adalah akhbar Utusan Melayu, dalam tulisan jawi. Jadi, saya akan baca akhbar Utusan Melayu. Kemudian apabila saya bekerja di syarikat Utusan Melayu, kami diwajibkan untuk membaca tiga akhbar setiap hari, untuk mengetahui berita ataupun maklumat. Selain tu, saya cuba dapatkan buku lah sebagai bahan bacaan. Dulu media tak banyak, mendengar radio menjadi hobi saya lah waktu tu, mendengar radio. Macam ada rancangan-rancangan yang sesuai untuk remaja, saya pun akan ikut serta, saya hantar karya juga kepada rancangan-rancangan tu, banyak kali juga tersiar. Tapi bila dah meningkat dewasa, bila dah bekerja, dengar radio pun dah jarang, maklumlah dah banyak media. Membaca saya masih amalkan, cuma saya amalkan membaca, saya akan kalau boleh akan sentiasa dapatkan buku-buku baru, kalau boleh sekurang-kurangnya sebulan satu ataupun sebulan dua buah buku baru untuk dibaca. Kalau takde buku baru, tukar balik, rak buku lama tu cari balik buku-buku lama yang dah lama tak baca, baca balik semula, membaca. Dan jugak - - - sekarang ni tak tahu lah nak kata, apa nama, hobi - dulu ada hobi menulis (ketawa) zaman remaja, menulis - puisi, luahan rasa, tulis hantar dekat media, disiarkan rasa bangga, tak bayar pun takpe dah rasa bangga tapi kebanyakannya memang dibayar, dibayar. Saya masih simpan cek tapi, maaf, saya menyimpan cek tapi sekarang dah hilang (ketawa) cek pertama yang saya dapat dari Utusan Melayu bernilai dua puluh ringgit, membayar sebuah karya saya, saya tak ingat karya apa, sajak ke ape, tapi malangnya waktu nak pindah-pindah rumah cek tu tak tahu dah kemana dah. Saya sengaja tak tunaikan cek dua puluh ringgit tu (ketawa) tapi sayang lah dah takde dah dalam simpanan. Itu jela kot hobi saya.

**M.H** : **Okay baik terima kasih Encik Zulkifli. Okay saya pergi ke soalan seterusnya. Pada tahun bilakah Encik mendirikan rumahtangga?**

**E.Z** : Saya dirikan rumahtangga tahun '91. Tahun '91. 23 Februari 1991.

**M.H** : **Okay, berapakah bilangan anak-beranak dan cucu Encik sekarang?**

**E.Z** : Saya ada dua anak. Anak saya tak ramai alhamdulillah. Saya cuma ada dua - - - anak saya tak ramai tapi alhamdulillah saya ada dua anak. Seorang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Itu je rezeki yang Allah beri pada saya. Anak perempuan baru saja bernikah dua minggu yang lepas. Belum ada cucu. Anak lelaki masih lagi belajar. Anak perempuan saya buat masa ni bekerja di - beliau ialah pensyarah di Korea Selatan, beliau pensyarah di Hankuk University of Foreign Studies di Yongin, Korea Selatan. Itu yang dah bernikah baru-baru ni. Yang kedua berada di semester akhir di ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan] semester akhir Ijazah filem di ASWARA. Itu je dua orang anak yang saya ada. Cucu belum lagi.

**M.H** : **Inshaallah ada. Okay baik Encik, sekarang saya pergi ke soalan seterusnya. Dimanakah Encik menetap sekarang?**

**E.Z** : Saya menetap di Bandar Tun Razak, Cheras.

**M.H** : **Okay, apakah moto ataupun pegangan hidup yang Encik pegang?**

**E.Z** : ‘Jangan susahkan orang lain’. Sebab pada saya, kalau kita menyusahkan orang lain, dikhuatiri nanti kita pula yang akan disusahkan oleh orang tu. kalau boleh, tolong lah orang. Kalau orang memerlukan bantuan, kita bantu lah. Maksudnya kita kalau boleh nak bantu, jangan sesekali kita menyusahkan orang. Dalam apa bentuk kesusahan pun, elakkan lah ataupun hilangkan terus, jangan sesekali kita menyusahkan orang kalau kita tak nak orang susahkan kita suatu hari nanti.

## **TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

**M.H** : Okay baik. Okay Encik Zulkifli terima kasih. *So [jadi]* sekarang saya akan beralih kepada seksyen seterusnya, iaitu seksyen latar belakang pendidikan. Dalam seksyen ni, dia ada tiga jenis pendidikan iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. *So [jadi]* saya akan mulakan dulu dengan sekolah rendah. Okay soalannya, dimanakah Encik menerima pendidikan sekolah rendah pada waktu dahulu?

**E.Z** : Nama sekolah rendah saya, pada waktu saya berdaftar tu ialah Sekolah Rendah Inggeris Gunung. Sekolah Rendah Inggeris Gunung. Pada waktu tu sekolah tu beraliran Inggeris. Kemudian apabila kerajaan memutuskan untuk menutup sekolah rendah beraliran Inggeris, sekolah itu dijadikan sekolah kebangsaan, dan dinamakan Sekolah Rendah Sri Gunung. Singkatan ‘SRI’ itu sebenarnya adalah singkatan daripada ‘sekolah rendah inggeris’. Nama itu dicadangkan oleh kawan satu kelas saya pada waktu kami, saya tak ingat darjah lima ke darjah enam, darjah enam kot. Cikgu minta cadangan, jadi kawan saya mencadangkan supaya dikekalkan S-R-I tu menjadi Sri Gunung, Sekolah Rendah Sri Gunung. Itu sekolah rendah saya. Satu sekolah saja sampai darjah enam.

**M.H** : Okay baik Encik Zulkifli. Pada tahun berapakah Encik menerima pendidikan sekolah rendah?

**E.Z** : Saya masuk tahun satu pada tahun 1970 (angguk) 1970 sampai 1975

**M.H** : Adakah Encik pernah menjawat jawatan apa-apa sewaktu di sekolah rendah?

**E.Z** : Di sekolah rendah, tidak ada. Tidak pernah memegang sebarang jawatan di sekolah rendah.

**M.H** : Okay, apakah pencapaian terbaik Encik sewaktu di sekolah rendah?

**E.Z** : (ketawa) sekolah rendah dah terlampau lama, saya pun dah tak berapa ingat sangat. Saya rasa dari segi akademik tu pada peringkat awal, darjah satu darjah dua darjah 3,

akademik saya agak menonjol lah. Saya ingat lagi, peperiksaan penggal pertama darjah satu saya dapat nombor satu [1] itu saja yang saya ingat sampai sekarang. Lepastu, makin merosot (ketawa) mungkin, tak tahu lah mungkin ada banyak, ada banyak faktor, merosot. Memandangkan sekolah saya dan rumah tu agak, agak jauh jadi saya tak aktif apa-apa pun sekolah rendah. Takde apa-apa pun yang saya aktif di sekolah rendah.

**M.H** : **Okay baik Encik Zulkifli. Soalan terakhir untuk sekolah rendah, bolehkah Encik mengimbau kembali satu kenangan manis yang Encik lalui sewaktu di sekolah rendah?**

**E.Z** : Saya naik bas dari kampung saya ke sekolah rendah. Walaupun jaraknya taklah jauh sangat. Jaraknya saya rasa dalam lebih kurang mungkin dalam sepuluh [10] kilometer macam tu, jadi saya naik bas. Bas pada waktu tu, kekerapannya tu, sejam sekali. Satu hari tu saya terlepas bas saya yang pertama, bas yang sepatutnya saya naik, saya terlepas bas tu. Jadi saya menunggu bas yang kedua. Saya sampai di sekolah memang, agak lambat lah. Saya sampai sekolah dah lambat. Bila saya sampai je semua kawan-kawan, semua pelajar yang lain pandang saya. Saya pun pelik, “apa yang tak kena dengan saya selain dari datang lambat?”. Tengok cikgu takde. Rupa-rupanya cikgu pergi ke kampung saya mencari saya. Saya masih ingat lagi, nama cikgu tu Cikgu Aziz, saya ingat lagi Cikgu Aziz. “Hey, Cikgu Aziz pergi cari hang!”, kawan saya kata, “Cikgu Aziz pergi cari hang!”, “Pi cari di mana?”, “Pi cari di rumah hang”. Saya pun dah kelam-kabut,” macam mana ni?” tapi takpelah saya tunggu jelah. Tunggu sampai cikgu tu balik. Cikgu tu pun balik dia kata “Eh, dah sampai pun”, dia kata. Kata cikgu, dia risau sebab saya jarang datang lambat, jadi pada hari tu saya tak datang. Jadi zaman tu takde talifon pun di rumah, zaman tu talifon tu barang mewah, bukan semua rumah ada talifon, siapa yang ada tu makna orang kaya la tu, siapa ada talifon di rumah pada waktu tu. Jadi, apa lagi cara? Cikgu tu pun *start* [hidupkan] kereta pergilah ke kampung, cari. Lepastu cikgu - - - takpelah, dah sampai tu takpelah, maksudnya - - - saya terharu, saya terharu dan sampai sekarang saya masih ingat. Saya tak pasti sama ada Cikgu Aziz masih ada ataupun tidak, tapi saya dah rindu nak

berjumpa dengan dia. Tulah kenangan yang saya tak lupakan lah di - - sepanjang di sekolah rendah.

**M.H** : Okay baik Encik Zulkifli terima kasih. Okay, itu saja soalan untuk sekolah rendah, sekarang saya beralih pula ke sekolah menengah. Okay, soalan pertama, dimanakah Encik menerima pendidikan sekolah menengah?

**E.Z** : Okay, sekolah menengah saya ada tiga [3], tingkatan satu [1] sampai tingkatan tiga [3], sampai SRP [Sijil Rendah Pelajaran] masa tu, di Sekolah Menengah Alor Janggus, di kampung saya lah di Alor Janggus tu, Sekolah Menengah Alor Janggus, tingkatan satu [1] sampai tingkatan tiga [3]. Tingkatan empat [4] dan lima [5], saya di Sekolah Tunku Abdul Rahman di Kedah. Sekolah Tunku Abdul Rahman ataupun dipanggil ‘STAR’, STAR Mergong ya bukan STAR Ipoh, STAR Mergong di Kedah. Kemudian - - - oh minta maaf, bukan tiga [3] sekolah, empat [4] sekolah sebenarnya. Kemudian SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] saya kurang memuaskan, saya masuk sekolah swasta, sekolah swasta yang bernama Akademi Utama. Itu sekolah menengah yang ketiga, Akademi Utama, semasa dalam tingkatan enam [6] rendah, saya mengambil peperiksaan yang dipanggil - -, - - ini, peperiksaan STP [Sijil Pelajaran Tinggi] tapi sebahagian saja, *part* [sebahagian], sebahagian saja. Saya tak ingat berapa subjek yang saya ambil, tapi saya dulu sedang melayakkan diri untuk menyambung semula tingkatan enam [6] di sekolah kerajaan. Jadi saya pun menyambung lah tingkatan enam [6] atas di Sekolah Menengah Dato’ Syed Omar, Kedah. Tu lah sekolah menengah saya.

**M.H** : Okay, soalan seterusnya. Adakah Encik pernah terlibat dengan apa-apa aktiviti organisasi sekolah sewaktu di sekolah menengah?

**E.Z** : Semasa di Sekolah Menengah Alor Janggus, saya masuk Bulan Sabit Merah, tapi sebagai ahli biasa. Saya juga seorang pengawas sekolah. Saya rasa itu saja yang saya - - itu saja aktiviti persatuan saya di Sekolah Menengah Alor Janggus. Kemudian di Sekolah Tunku Abdul Rahman, saya masuk kadet polis tapi separuh jalan, memandangkan rumah saya agak jauh, terpaksa tunggu sampai petang untuk latihan,

kemudian latihan tu saya rasa agak memenatkan, jadi saya - - hanya beberapa bulan, saya - - tarik diri dari kadet polis. - - Itu saja yang saya - - aktiviti saya di sekolah menengah.

**M.H** : Okay baik, soalan seterusnya. Apakah pencapaian tertinggi Encik di sekolah menengah?

**E.Z** : Saya sebenarnya tidak - - bukanlah seorang yang aktif di sekolah. Saya lebih banyak buat hal saya sendiri. Saya tak aktif sangat - - baik sukan ataupun kesenian. Cuma - - saya pernah - - waktu saya dah meninggalkan Sekolah Menengah Alor Janggus, waktu tu saya dah di Sekolah Tunku Abdul Rahman, - - saya kumpul dua tiga orang kawan minta buat persembahan untuk Hari Guru. Saya minta buat satu persembahan, lakonan, macam sketsa lah. Saya dengan dua orang kawan saya lagi, kami buat sketsa untuk mengenang cikgu yang mengajar kami dari tingkatan satu [1] sampai tingkatan tiga [3]. Itu yang saya ingat - - lain-lain takde ape sangat - - saya lebih banyak, orang kata apa tu - - saya lebih banyak bergiat di luar sekolah. Maksudnya, contohnya waktu tingkatan empat [4] sajak saya pertama dah tersiar di akhbar, waktu tingkatan empat [4]. Waktu tingkatan satu [1], tulisan saya dah tersiar di majalah. Saya banyak aktif di luar. Saya ingat lagi tulisan saya waktu saya tingkatan satu [1] disiarkan dalam majalah Bujal (ketawa) generasi baru mungkin tak kenal majalah Bujal, hanya ayah-ayah pakcik-pakcik mungkin ingat majalah Bujal

**M.H** : Saya- saya- saya masih lagi simpan majalah tu

**E.Z** : Majalah Bujal? Alhamdulillah masih ada anak muda lagi simpan majalah lama. (ketawa)

**A.H** : Masih ada.

**E.Z** : Saya juga ikut simpan tapi saya simpan yang ada siarkan - - saya tu je (ketawa) majalah Bujal, lepastu saya, tingkatan tiga [3] saya tulis sajak, disiarkan dalam majalah - dalam akhbar, akhbar *Bintang Timur*, akhbar tu pun dah takde lagi dah sekarang ni, waktu tu *Bintang Timur* tu adalah anak syarikat - - syarikat *Utusan*.

Kemudian saya banyak hantar karya di radio, jadi saya lebih banyak bergiat di- diluar sekolah. Di sekolah saya mungkin agak lain sikit, saya pendiam, tak aktif sangat dengan apa-apa aktiviti. Masa peringkat awal lah, bila dah masuk ke - - tingkatan empat [4], tingkatan empat [4] ada, tingkatan empat [4] pun sama saya buat persembahan untuk mengenang seorang cikgu - - seorang guru yang membuat latihan mengajar di sekolah kami waktu tingkatan empat [4]. Bila dia dah tamat tempoh latihan, dia nak balik, kami buat sebuah drama. Skrip saya, arahan saya, ambil kawan-kawan semua berlakon kami buat sebuah sketsa untuk dia, istimewa untuk- untuk cikgu tu. Kalau tak silap saya nama cikgu tu Cikgu - - kalau tak silap saya lah, Cikgu - - masatu dah di tingkatan lima [5], tingkatan lima [5] di Sekolah Tunku Abdul Rahman. Saya buat sebuah persembahan dan dia pun nampaknya sebak dan terharu lah melihat persembahan itu. Itu yang - antara yang paling saya ingat lah.

- M.H : Okay baik Encik Zulkifli, saya teruskan dengan soalan saya. Apakah subjek kegemaran Encik di- diwaktu sekolah menengah dan kenapa?**
- E.Z :** Di sekolah menengah saya ambil aliran sains, tapi saya minat sastera. Saya- saya ingat lagi, saya ambil aliran sains - - belajar fizik, geografi, *chemistry* [kimia], - - semua saya ada belajar. Tapi dalam masa yang sama, saya minat sastera. Saya pinjam buku teks- buku teks kawan-kawan saya - - sastera untuk saya baca, sajak-sajak '*Di penjuru matamu*', saya baca. Sebab- sebab saya minat sastera tu. taktau la sama ada saya salah pilih ke, tak pasti la tapi macam mana pun aliran sains ini juga banyak membantu, dan yang paling saya minat, sudah tentulah Bahasa Melayu. Kenapa saya minat Bahasa Melayu? Sebab - - saya, sejak dulu saya selalu memikirkan - - kita ada banyak loghat daerah. Kita ada banyak dialek, kita juga ada banyak slanga, okay. Dialek utara lain, pantai timur, lain, tapi kebanyakkan penutur dalam loghat daerah ni tidak begitu fasih apabila bercakap bahasa kebangsaan. Sebab kebanyakannya dah biasa dengan loghat daerah. Tidak menjadi satu kesalahan pun bercakap bahasa daerah, bagus je. Bagus kalau dapat bercakap bahasa daerah. Haa, tetapi pada saya - - kita kalau boleh, kita bercakap bahasa daerah semasa di rumah, dengan kawan-kawan yang sedaerah dengan kita, tetapi apabila kita bercakap di khalayak, gunakanlah bahasa kebangsaan.

Sebabtu walaupun saya di Kedah, di- apa?

**M.H** : Betul betul.

**E.Z** : Sebabtu, macam di Kedah, Kedah - - orang tua-tua semua bercakap dalam loghat Kedah, di mana-mana pun, jadi, selalunya akan timbul- akan timbul kekeliruan, dari segi makna, kadang-kadang tu makna perkataan tu, di tempat lain, lain, di Kedah maksud lain di tempat lain jadi- jadi lain. Contoh macam - - nak cakap macam mana eh - - takpelah nanti itu saya bagi contoh dalam Tiktok saya lah (ketawa) tahu kan saya buat Tiktok pasal loghat daerah kan?

**M.H** : Tahu, tahu, tahu.

**E.Z** : (ketawa) jadi sebab tu, saya- saya suka belajar Bahasa Melayu, sebab saya tahu rupa-rupanya banyak lagi benda yang saya tak tahu. Sebab sebelum tu, saya bercakap loghat Kedah dengan semua orang di Kedah. Jadi bila ada seorang cikgu dari Johor, kadang-kadang saya sebut lain dia faham lain, oh rupanya maknanya tak sama. Contoh macam maksud perkataan bebal. Bebal di sebelah selatan, bodoh. “Kenapa bebal sangat?” Bebal di sebelah selatan maksudnya bodoh. Tapi bebal di utara, di Kedah ataupun disebut bebai, bebai bukan bodoh. Bebai tu macam - - dia macam kepala angin sikit, dia macam merajuk contohnya, “Aku tunggu *order*[pesanan] nasi goreng lama sangat, aku bebai- aku bangkit aku blah”. Itulah maksudnya, bebai. “Aku bebai, aku mangkit aku blah” maksudnya “aku blah, aku bangun”, - - bukan bodoh. Jadi saya pun - - jadi saya perlu belajar Bahasa- Bahasa Melayu. Ternyata sekarang ni saya tengok ramai orang - - yang tidak fasih bahasa kebangsaan. Okay.

**M.H** : **Okay, so soalan terakhir saya untuk sekolah menengah iaitu apakah kenangan manis di sekolah menengah yang Encik dapat kongsikan bersama kami?**

**E.Z** : Sekolah menengah ea? Sebenarnya banyak- banyak peristiwa kalau ikutkan - - cuma nak kata yang mana yang paling manis untuk dikenang tu susah juga untuk saya nak fikirkan mana satu - - yang paling manis. Ada satu lah, dia pahit sebenarnya tapi bila dikenang balik, benda tu- benda tu jadi manis. Masa saya tingkatan empat [4] atau

tingkatan lima [5] macam tu, Allahyarham Dato' Sri Ahmad Haji Arshad memang cukup popular. Dia menjadi *trendsetter* [penentu arah fesyen], cara pakaianya, seluarnya, kasutnya dan sebagainya. Salah satunya adalah kasutnya. Pada waktu tu, dia memakai - - kasut tu dia macam plastik dan dia *transparent* [lutsinar]. Bila pakai boleh nampak kaki. Dia lembut- dia lembut kasut tu dia lembut macam plastik. Jadi, saya pakai kasut tu pergi sekolah. Sudahnya kena tangkap, sebab kasut tak ikut spesifikasi yang dibenarkan, itu bukan kasut sekolah- pakai kasut tu. Jadi, kena tangkap- kasut tu kena rampas dan saya berkaki ayam sepanjang seharian di sekolah. Nak balik, baru cikgu bagi balik baru boleh pakai balik (ketawa). Mungkin- walaupun kenangan yang- yang pahit tapi pada saya ia manis untuk dikenang. Kalau nanti boleh- boleh *google* tengok cari kasut arwah Sudirman. Saya tak ingat apa nama kasut tu.

- M.H : Okay, itu terakhir dari saya untuk sekolah menengah. Sekarang, kita beralih pula ke peringkat universiti. Okay, soalan saya dimanakah Encik melanjutkan pelajaran di peringkat universiti?**
- E.Z : Saya - - di Universiti Sains Malaysia, di USM [Universiti Sains Malaysia]. Tapi hanya sampai peringkat sijil saja dipanggil Sijil Seni Kreatif. Di USM [Universiti Sains Malaysia], di waktu tu ada kursus yang dipanggil Sijil Seni Kreatif. Sijil Seni Kreatif tu sebenarnya adalah satu batu loncatan untuk- selepas tu menyambung terus ke peringkat ijazah. Tapi pada waktu tu, selepas selesai mendapat sijil tu, saya berbelah-bahagi sama ada nak sambung ke peringkat ijazah ataupun nak *stop* [berhenti] setakat tu. memandangkan pada waktu tu banyak tawaran berlakon, jadi saya- saya tidak menyambung sampai ke peringkat seterusnya. Jadi maknanya saya hanya ada Sijil Seni Kreatif. Saya tak pasti sama ada sijil tu masih ada ataupun- maksud saya - - kursus tu masih ada ataupun dah diganti dengan kursus lain, tu saya tak pasti. Ada kawan lain yang menyambung sampai ke peringkat ijazah, contohnya macam Allahyarham Zaibo, Dato' Tarmimi Siregar. Itu yang menyambung sampai ke peringkat ijazah. Ada juga sambung sampai ke peringkat sarjana- yang - - tapi saya, itulah. Mungkin juga satu kesilapan- saya waktu tu tengah- tengah muda, *offer* [tawaran] lakonan tengah banyak, jadi saya memilih untuk tidak menyambung. jadi,**

maknanya sekarang ni saya cuma ada Sijil Seni Kreatif dari USM [Universiti Sains Malaysia]. In shaa allah, mungkin nak sambung ke - - (ketawa)

**M.H** : In shaa allah boleh.

**E.Z** : In shaa allah, in shaa allah saya pun tengah duk fikir, tengah duk *google* sana sini, tengok di mana yang sesuai, sebab kalau boleh - - sebab sy duk berpegang macam ni, bakat saja tidak mencukupi. Kalau boleh, kena tambah juga dengan ilmu. Jadi, rasa ilmu saya banyak kat USM [Universiti Sains Malaysia] tu dah guna sepanjang waktu ni, saya perlukan ilmu-ilmu baru lagi untuk terus berada dalam bidang ni.

**M.H** : **Okay, soalan seterusnya. Boleh Encik kongsikan sedikit tips bagaimana Encik bahagikan waktu di universiti dengan terlibat dalam aktiviti-aktiviti di luar kampus? Contohnya macam berlakon ke.**

**E.Z** : Itulah, saya disana cuma untuk mendapatkan sijil tu, saya cuma berada di sana selama setahun. Jadi dalam masa setahun tu- dalam masa setahun ada jugalah aktiviti kat luar. Tapi saya rasa tidak begitu mencabar sangatlah, tak banyak sangat pun aktiviti luar yang saya terlibat. Sebab bidang yang saya belajar sendiri pun adalah bidang seni, jadi kami banyak aktif di dalam. Kalau yang diluar tu - - yang tak mengambil masa yang panjang. Contoh ada satu persembahan kat luar, saya berlakon sekali, latihan beberapa hari kemudian buat persembahan - - jadi taklah orang kata mengambil masa yang terlalu banyak. Tapi kalau - - bidang yang saya ambik tu bidang lain, yang saya aktif tu bidang lain mungkin agak sukar untuk bahagikan masa.

**A.H** : Okay, faham.

**E.Z** : Contoh macam budak- budak kejuruteraan tapi dia ambik seni, dia nak belajar - - mengambil jurutera pada masa yang sama dia juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti seni. Benda ni bagus sebenarnya, bagus. Sape dapat menguasai dua bidang macam tu, cukup bagus. Cuma masa nak belajar tu dah nak kena bahagikan masa betul-betul, takut nanti terganggu dari segi masa sebab yang kursus yang dia nak - - kerja kursus dia pun dah berat, nak buat latihan ini pulak lagi untuk- untuk persembahan seni pun

berat - - hasilnya bagus tapi masa tu nak kena betul-betul, bagi masa betul-betul, supaya tidak mengganggu salah satu. Kalau boleh biar berjaya dalam kedua-duanya. Sebab kalau kita tengok pelakon-pelakon luar negara, ada yang kelulusan mereka bukan dalam bidang seni lakon pun, mereka kelulusan dalam bidang lain. Saya masih ingat zaman saya kecik-kecik, di Indonesia ada seorang pelakon, nama dia DRG-DRG Fadly. Saya tanya orang, DRG tu apa - - oh rupanya doktor gigi. DRG - - tu doktor gigi, - - dia seorang doktor gigi tapi popular sebagai seorang pelakon (ketawa). Tu jela.

**M.H : Okay baik, soalan seterusnya. Apakah cabaran yang Encik hadapi ketika belajar di universiti?**

**E.Z : Macam yang saya katakan tadi la, saya disana pun tak lama, jadi cabarannya tu maknanya setakat setahun tu jela. Tak banyak sangat cabaran pun, cuma mungkin - - macam saya cakap tadi kekangan masa, masa nak kena bagi betul-betul - - lain saya rasa takde banyak cabaran sangat. Mungkin saya tak-tak lama sangat, jadi tak banyak cabaran sangat. Kalau saya - - ijazah untuk menambah lagi tiga [3] tahun, mungkin cabaran akan lebih besar kalau saya sambung lagi tiga [3] tahun untuk buat ijazah. Tapi takpelah, benda dah lepas (ketawa).**

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA**

**M.H** : Okay, jadi itu saja dari- dari bahagian untuk pendidikan. Sekarang saya akan beralih kepada permulaan untuk pengalaman kerjaya. Okay, soalan saya untuk yang- soalan saya yang pertama, setelah tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama Encik?

**E.Z** : Okay, sebenarnya macam ni. Sebelum saya belajar, Seni Kreatif tu, saya dah pernah bekerja. Lepas SPM [Sijil Pelajaran Malaysia], saya dah bekerja. Saya bekerja di Utusan Melayu, sebagai seorang wartawan. Sewaktu sekolah, kan saya kata saya banyak menulis, saya suka menulis jadi saya menulis - - pernah berlaku satu peristiwa di kampung saya, budak OKU [orang kurang upaya], dia jumpa pokok kelapa yang tingginya baru dalam sekerat kaki lebih, pokok kelapa tu dah berbuah. Jadi saya ambik gambar, saya tulis berita saya hantar ke Utusan Melayu, dan disiarkan di Utusan Melayu, kemudian di Utusan Melayu- di Utusan Malaysia, kemudian mereka tertanya-tanya, *reporter* [wartawan] mana yang tulis? Jadi, masing-masing tak tahu, hanya *editor* [penyunting] tahulah, yang menyiaran tu sebab ada nama saya ape semua. Tapi wartawan-wartawan yang lain “Siapa yang tulis berita tu?”. Jadi - - selain itu banyaklah saya tulis, tulis, tulis berita, apa saja kejadian yang berlaku, benda dekat sekolah macam *talentime*, ada budak cacat penglihatan menang *talentime*, saya tulis. Ada apa benda berlaku, saya tulis. Yang saya agak macam boleh menjadi berita lah - - Yang Berhormat datang ke kampung saya, rasmi apa-apa saya saya tulis - - semua, bila lepas SPM- lepas SPM, saya pergi ke pejabat Utusan Melayu di Alor Setar, jumpa dengan diorang, saya kata saya dah lepas SPM, nak tunggu *result* [keputusan], takde nak buat apa-apa - - oh maaf saya tersilap, bukanlah lepas SPM, lepas STPM. Lelepas STPM, *sorry* [maaf] lepas STPM. Lepas STPM, saya pergi jumpa - - diorang kata kalau nak boleh jadi wakil Utusan Melayu di Pulau Langkawi. Tapi takde elau, takde apa. Yang ada adalah *claim* [tuntutan] mengikut berita yang kita tulis. Dia bayar ikut *paragraph* [perenggan]. Kalau muka- muka biasa, muka dalam satu perenggan lapan puluh [80] sen kalau tak silap saya, sekeping gambar dua [2] ringgit lima puluh [50] sen. Kalau di luar, dia dapat *front page* [muka depan], dapat muka depan, satu

perenggan dua [2] ringgit, kalau tak silap saya lahir masa tu, dan sekeping gambar lima [5] ringgit. Jadi, daripada tu buat tuntutan lah. Jadi saya pun pergi ke Langkawi, tiga [3] bulan saya di Pulau Langkawi, hari-hari menulis berita, apa-apa saja di Pulau Langkawi tu, termasuklah lawatan menteri - - menteri datang ke Langkawi, saya pun *update* [kemaskini] berita, hantar hantar hantar, dalam masa yang sama saya membuat permohonan ke Utusan Melayu di Kuala Lumpur, untuk memohon jadi wartawan. Masa saya di Langkawi, tak silap saya, dalam lebih kurang tiga [3] bulan kot - - saya balik ke kampung saya di Kedah, di Alor Janggus, ada surat tawaran bekerja di Utusan Melayu di Kuala Lumpur. Jadi, satu [1] haribulan April 1984, saya pun melaporkan diri sebagai wartawan di Utusan Melayu di Kuala Lumpur. Tapi tak- tak lama, lepas tu - - oleh kerana saya minat lakonan, apabila berada di Kuala Lumpur, saya tak sia-siakan peluang - - setiap petang, selepas balik kerja ataupun pada waktu terluang saya akan pergi tengok teater, pergi tengok *show* [persempahan] teater, pergi tengok latih-orang berlatih teater, tengok tengok tengok benda tu semua sampai lahir pada suatu hari saya- sewaktu saya menonton apa nama teater- selepas selepas saya selesai menonton teater, seorang kawan saya telah pun - - Allahyarham Nasir Ali seorang pelakon - - saya ingat, dia beritahu saya, "Zul, TV3 ada nak buat drama. Diorang nak cari ramai pelakon-pelakon- nak cari ramai pelakon tambahan". Dia pun mencadangkan saya supaya mencuba untuk menjadi pelakon tambahan. Okay, bila saya - - saya pun menghubungi nombor telefon yang dia bagi, saya pun hadir untuk- untuk ujibakat. Alhamdulillah, saya dapat peluang berlakon bukan sebagai pelakon tambahan tetapi sebagai hero, sebagai pelakon utama. Jadi, - - pada waktu tu- lupa pula nak cakap pada waktu tu (berfikir) - - sekitar hujung tahun '85. Masa tu saya sebenarnya dah berhenti dah dari Utusan. Lupa pula nak cakap, jodoh saya tak lama dengan Utusan Melayu, setahun kemudian saya berhenti, saya meletakkan jawatan, setahun kemudian, maknanya dalam pertengahan tahun '85 macam tu, saya meletakkan jawatan. Kemudian, penghujung tahun '85 tu, saya dapat peluang menjadi pelakon. Sepanjang sesi penggambaran, satu perkataan yang pengarah selalu sebut dengan saya, nama pengarah tu Akmal Salleh, pengarah selalu sebut dengan saya, dia kata saya banyak kena belajar lagi tentang lakonan. Dia kata saya ada bakat, tapi saya takde

ilmu. Bakat ada, ilmu takde. Jadi selesai drama tu semua, saya pun pergi ke USM [Universiti Sains Malaysia], mohon ke USM [Universiti Sains Malaysia] untuk-untuk belajar. Selepas- setahun kemudian lepas balik selesai membuat Sijil Seni Kreatif tu, saya berlakon macam biasa, berlakon macam biasa, dan saya dapat peluang untuk menjadi- untuk berkhidmat di *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] secara sambilan sebagai pengacara, penulis skrip, penemu ramah dan penyampai. Jadi, saya menjadi hos bersama untuk rancangan *Selamat Pagi Malaysia*, saya juga buat skripnya, saya juga buat *research* [penyelidikan], saya juga buat temu ramah dengan- dengan orang di luar. Kerap dikatakan kerjaya pertama saya selepas balik dari USM [Universiti Sains Malaysia], itulah kerjaya saya yang pertama. Lima [5] tahun saya di *RTM* sebagai pengacara dan penulis di- di sana. Selain *Selamat Pagi Malaysia*, saya juga ada buat untuk rancangan macam *Halaman Pertanian*, pun saya pernah jadi pengacaranya, rancangan *Hiburan di RTM* pun, *Hiburan Minggu Ini*, saya pernah jadi pengacara bersama lah, bukan pengacara utama tapi pengacara bersama untuk rancangan *Hiburan di RTM*, saya juga- ada juga masanya buat laporan untuk- untuk berita, lepastu ada macam membuat suara latar untuk rancangan-rancangan dokumentari sampai tahun '92. Kontrak diperbaharui setiap tahun, setiap tahun sampai tahun '92, pada waktu itu, saya - - apa - - kerja ataupun *job shooting* [kerja penggambaran] semakin banyak jadi saya tak dapat menumpukan lagi kepada kerja saya di *RTM* tu, saya nampak ada yang saya terpaksa *skip* [tinggalkan] sebab penggambaran tak habis, saya terpaksa lewat - - jadi- lepastu saya terus menjadi pelakon sepenuh masa sampai hari ni.

**M.H : Okay baik Encik Zulkifli, cerita yang sangat menarik. Okay soalan saya yang seterusnya, macam yang Encik Zulkifli ada beritahu tadi, yang Encik pernah bekerja bersama pihak Utusan. Boleh berkongsi antara pengalaman Encik bersama Utusan?**

**E.Z : Banyak pengalaman sebenarnya, Utusan. Utusan tu jugak pada saya adalah sebuah universiti. Walaupun saya sekejap, tapi banyak ilmu yang saya dapat, banyak sangat ilmu. Dan sepanjang di Utusan juga mendedahkan saya kepada macam-macam**

perkara baru. Perkara-perkara yang saya tak pernah terfikir pun waktu saya masih duduk di kampung. Kalau dikenangkan, memang banyak sangat, memang banyak sangat kenangan di- di Utusan. Paling- yang paling- saya rasa yang paling manis - - saya dapat berkenalan dengan ramai orang-orang hebat, yang sebelum tu nama-nama mereka hanya saya baca dalam *byline* [baris nama penulis] diorang dekat apa namanya, dekat karya diorang, nama pada karya mereka. Tapi saya dapat berjumpa contohnya saya dapat berjumpa dengan Allahyarham Pak Syakur, Pak Syakur - - Utusan pada waktu tu, nama-nama hebat masa tu - - nama-nama hebat dalam dunia kewartawanan macam Allahyarham Tan Sri Zainuddin Maidin, saya dapat berkenalan di situ, dan dia menjadi bos pun sebenarnya, bos saya pada waktu tu, di- di- di Utusan. Kemudian adalah banyak-banyak- ada banyak lagi lah nama-nama hebat macam kalau dalam dunia hiburan, Allahyarham Juwie, yang- yang sangat popular, Allahyarham Kak Bam Bahyah Mahmood, pastu yang popular dalam bidang apa nama- dalam- ruangan hiburan, itulah paling manis, saya dapat berkenalan dengan semua, ataupun saya dapat berkenalan ramai wartawan-wartawan besar. Itu kalau di Utusan, apabila keluar untuk *assignment* [tugasan], berjumpa pula dengan wartawan-wartawan hebat dari akhbar lain. Dapat berkenalan dengan wartawan akhbar lain. Jadi banyak lah, terlalu banyak kalau nak dikenangkan peristiwa manis semasa di Utusan.

**M.H : Okay baik Encik Zulkifli. Saya teruskan soalan saya. Encik Zulkifli ada cakap tadi bahawa drama telefilem ‘*Basikalku*’ merupakan karya pertama bersama Encik Zulkifli, betul?**

**E.Z : (angguk)**

**M.H : Boleh ceritakan watak apa yang Encik bawa dalam karya tersebut?**

**E.Z : Watak saya tu namanya Sani. Sani tu adalah pelajar tahun akhir Universiti Malaya. Hobinya berbasikal. Dia mengayuh basikal dari rumahnya di Kampung Datuk Keramat sampai ke kampus, di Universiti Malaya. Jadi itulah watak Sani tu yang setiap hari dengan basikal. Hidupnya dengan basikal, dia beli majalah basikal, di bilik tidurnya tertampal poster-poster tentang basikal. Ayah dia marah, asyik dengan**

basikal je. Dalam bilik kuliah pensyarah tengah mengajar dekat depan dia dekat belakang buka buku basikal, - - dengan basikalnya. Kadang datang lambat, yelah sebab berbasikal, jauh, datang lambat. Ada sikit unsur cinta, ada jatuh cinta dengan pelajar lain. Jadi, ayah dia marah dengan basikal tu, ada sekali tu ayah dia campak basikal tu dalam sungai. Ayah dia campak basikal - - apa lagi tentang basikal - - ahh bila dah *grad* [tamat pengajian], masa hari konvo tu pun dia bawak basikal.

**M.H** : Sayang betul dia dengan basikal

**E.Z** : Betul, pakai konvokesyen gaun tu, siap dengan topinya, kayuh basikal. *Girlfriend* [teman wanita] dia bawak kereta di sebelah. Tapi, kalau dapat peluang cari, cari cerita tu untuk ditonton (ketawa)

**A.H** : In shaa allah

**E.Z** : Tapi setakat ni di *Youtube* takde, saya dah cari, takde di *Youtube*. Budak yang betul-betul minat dengan basikal. Itu cerita- cerita ‘*Basikalku*’ tu. Dia sangguh buat apa je untuk basikal.

**M.H** : **Okay Encik Zulkifli, soalan seterusnya. Adakah Encik Zulkifli berasa gugup ataupun takut apabila pertama kali berlakon?**

**E.Z** : Ini memanglah, jangan cakap pertama kali berlakon, sampai sekarang pun kadang-kadang perasaan gugup tu ada, kalau takut - - apa yang kita buat tu bukan itu yang dikehendaki oleh pengarah. Takut kepada perkara-perkara yang macam tu. Memang kita dapat skrip, kita *study* [ulangkaji], kita dapat buat satu - - menghidupkan satu watak, mewujudkan satu watak, bawak, tapi takut nanti pengarah “Err bukan macam ni, bukan macam ni”. Jadi, apatah lagi yang pertama kali dulu, pertama kali memang gugup. Pertama kali rakam dengan kamera dalam keadaan yang saya betul-betul tak tahu apa benda. Saya tak tahu istilah-istilah yang digunakan, dalam penggambaran tu, istilah-istilah yang cukup asing bagi saya. Contoh bila pengarah sebut “Okay, kita ambik *close-up* [dekat-dekat] dia”. *Close-up* [dekat-dekat] tu apa dia, jadi saya pun tak-tak tahu. - - Pastu “Eh”, dalam hati saya “kenapa kena ulang balik? Dah lapan [8]

kali ulang, kenapa nak ulang balik lagi? Apa yang salah saya?" - - saya tak buat salah, diulang balik sebab nak tukar *angle* [sisi] kamera. Mana saya tahu? Saya pertama kali. Saya pertama kali berhadapan dengan kamera. Jadi, saya ingatkan bila "Cut!", salah saya, rupanya tak bukan salah. Tukar sisi kamera dan sebagainya, ataupun mungkin juga salah, tapi bukan salah saya, salah dari segi teknikal, mungkin audio, mungkin kamera, mungkin *lighting* [pencahayaan]. Salah pelakon tu memang ada, yang itu kita tahu lah macam kalau saya buat salah, pengarah 'cut' saya faham, ni- ni yang saya tak buat salah. "Cut! Lagi sekali!", "Ah sudah, apa ni kenapa ni?" - - pertama kali lah. Tapi bila saya dah lama-lama, saya pun dah- saya pun dah faham. Sekarang alhamdulillah lah, saya dah faham. Jadi, dah senang buat kerja. Cuma sekali-sekala datang gugup tu bila dalam keadaan macam tadi, benda yang mungkin saya tak biasa buat, - - tu saya- saya tak pernah bawak watak yang macam tu ataupun babak yang macam tu. Contoh la - - belum pernah berlaku, belum pernah berlaku, contoh katakan saya kena cakap dalam bahasa Korea la katakan, katakan saya tak pandai bahasa Korea, tiba-tiba pengarah kata, saya kena cakap bahasa Korea, dia bagi lah dalam skrip tu dialog bahasa Korea, ni contoh ea, - - bagi dialog bahasa Korea, saya kena hafal tu, In shaa allah saya boleh hafal, saya kena ucapan, nak ucap tu tulah pasti saya gugup sebab saya - - "betul ke cakap Korea aku ni? Betul ke aku cakap Korea ni?, sebutan dia, nahu dia, betul ke ni?" Haa dalam keadaan macam tu akan gugup lah. Ataupun kalau perkataan-perkataan yang susah lah, yang bukan dari bahasa kita lah, ataupun itu- itu Korea jauh sangat, ataupun saya kena cakap Jawa katakan, saya bukan orang Jawa, jadi tiba saya kena cakap Jawa, dibagi skrip dalam bahasa Jawa, In shaa allah boleh hafal tapi nak ucapan tu takut. Nanti tak betul kan jadi makna lain, jadi gugup tu akan ada, tapi bukan selalu lah.

- M.H : Okay, saya pergi ke soalan seterusnya. Adakah Encik seseorang ataupun sesuatu yang dijadikan inspirasi ataupun pendorong untuk Encik Zulkifli menceburi bidang lakonan?**
- E.Z : Semasa saya mula-mula menceburi dulu, takde. Takde- maksudnya dalam keluarga saya pun takde yang menjadi pelakon. Dan saya takde, takde sape-sape yang jadi**

dorongan pada waktu tu. Memang saya sendiri je.

**M.H** : Okay, soalan seterusnya. Apakah filem pertama Encik setelah berkecimpung dalam bidang lakonan di skrin layar di panggung?

**E.Z** : Selepas beberapa drama, filem pertama saya, filem ‘Yassin’. ‘Yassin’ arahan Tan Sri Kamarul Ariffin. Dalam filem ‘Yassin’ tu watak saya kecil je, watak kecil je mungkin kalangan orang tak perasan pun. Tapi dari segi peranan sebenarnya peranannya agak besar juga. Pelakon utama filem tu Eman Manan dan Uji Rashid. Apabila Eman Manan ditangkap, Eman Manan disebalik Yassin, apabila ditangkap zaman- zaman Komunis, ditangkap oleh komunis dan dipenjarakan, jadi saya yang waktu tu dah remaja, bantu menjaga anak-anak- apa nama- Yassin ni, anak-anak Yassin ni, yang masih kecil masa tu, waktu tu kalau tak silap saya M. Nasir baru berumur dua [2] tahun, - - kan M Nasir baru berumur dua [2]. Jadi, saya lah - - saya ni kalau tak silap saya adalah adik kepada Uji Rashid dalam cerita tu. maksudnya adik ipar kepada Eman Manan lah, adik kepada Uji Rashid yang datang setiap hari nak tengok anak-anak buah ni. Kalau tak silap la, mungkin ada fakta yang tak berapa tepat, dah lama sangat. Itu filem pertama saya, *Yassin*. Tapi peranan tak- tak besar, maksud- maksud saya dalam drama saya hero, tapi dalam filem waktu tu peranan saya kecil je.

**M.H** : Okay soalan seterusnya daripada saya. Daripada dulu pengalaman Encik Zulkifli daripada dulu sampai sekarang, adakah Encik Zulkifli melalui proses yang sama iaitu proses ujibakat sebelum mendapat sesuatu watak dalam filem atau drama?

**E.Z** : Ujibakat, pertama kali sebelum saya jadi pelakon. Itu buat- buat ujibakat. Biasanya, bila dah menjadi pelakon, biasa kita tak panggil sebagai ujibakat, kita - - sebab pada saya ujibakat tu nak- nak tahu seseorang tu ada bakat ke tidak kan, maksudnya - - kita cuma ada kalau dalam bahasa Inggeris dipanggil sebagai *casting* [uji pemilihan watak]. *Casting*, pemilihan watak tu kita panggil - - nak tengok kesesuaian dengan watak tu, maksudnya katakanlah kita bagi seorang pelakon A, pelakon A ni dah hebat

dah, dah popular tapi kita panggil pelakon A tu datang, kita bagi skrip nak tengok sesuai ke tidak dia dengan watak yang nak ditawarkan ni. Itu yang- maksudnya, bukan kita nak ujibakat dia boleh berlakon ke tidak, ujibakat tu maksudnya yang pertama kali mula-mula tu je. Yang lain tu, pemilihan watak la, pemilihan watak ni - - saya pernah pergi, ada satu untuk filem Indonesia saya pernah pergi tapi tak dapat. Ada juga satu filem melayu, ingat dalam lima [5] tahun lepas, saya dipanggil- saya dipanggil, saya sampai sana, bila pengarah nampak saya “Bang, kita panggil abang bukan nak ujibakat bang. Maaf bang nanti abang ingat ujibakat”, kata - - “Takpe, takde masalah pun nak tengok sesuai ke tidak”, “Sebenarnya abang sesuai pun”, dia kata,” memang sesuai sangat, abang tak payah ujibakat lah, tak- tak- takyah masuk pemilihan watak lah. Memang sesuai, memang pengarah saya nak abang” jadi saya - - saya- saya tak kisah. Kalau nak tengok dicuba watak tu boleh ke tak boleh, takde masalah. Tapi pengarah tu kata “Takpelah bang, terus ambik”. - - maksudnya, maksudnya saya tak kisah kalau nak dipanggil untuk pemilihan watak, nak mengetahui sesuai ke tidak watak tu dengan saya, itu saya- saya tak pernah kisah pun. Mungkin ada orang - - “Eh mana boleh, aku dah banyak berlakon takkan lah takde bakat kan”. Jadi kalau saya, takde masalah. Saya- saya- saya boleh je.

- M.H** : Okay baik, soalan seterusnya daripada saya. Pada pendapat Encik, adakah berlakon untuk drama bersiri dan filem mempunyai situasi sama ataupun berlainan?
- E.Z** : Pada saya sama je, dari segi lakonan, sama. Dari segi lakonan, pada saya sama je. Saya - - cuma yang tidak sama mungkin benda-benda teknikal lah, dari teknikalnya, mungkin- yang mungkin bukan kerja pelakon. Kerja pelakon pada saya sama je. Kerja pengarah, kerja pengarah fotografi semua tu berbeza lah. Kalau untuk filem dengan drama biasanya cara bekerja tu berbeza sikit, sebab - - filem tu skrinnya besar, perlu lebih teliti. Perlu lebih, lebih teliti. Jadi, macam dari segi pelakon pada saya dari segi lakonan sama je. Yang- yang berbeza mungkin berlakon - - radio je, yang tu je yang berbeza. Yang lain tu - - macam, kalau di teater pun sama juga. Saya rasa lakonan - - cuma kalau di teater nak kena *exaggerate* [berlebihan], lebihkan sikit. Nak kena

besarkan - - nak kena besarkan sedikit dari segi suara, langkah - - nak dibesarkan sikit. Tapi dari segi lakonan saya rasa sama je. Itu pandangan saya macam tu lah.

**M.H** : **Okay, soalan seterusnya, adakah perlu untuk ada bakat dalam lakonan untuk seseorang menceburi dunia lakonan ni?**

**E.Z** : Dah pasti. Paling utama, nak berlakon atau apa-apa kerja seni, yang pertama mesti ada bakat. Kemudian - - tapi bakat saja tidak mencukupi. Bakat saja juga perlu ditambah dengan ilmu. Itu cukup penting. Ilmu disini, jangan salah faham, ilmu ada banyak ilmu, ada banyak cara. Tak semestinya ilmu itu dapat di universiti. Ilmu tu juga mungkin boleh dapat dari sumber-sumber lain. Contohnya, kalau berpeluang macam dulu say berpeluang berlakon dengan pelakon-pelakon zaman P. Ramlee, Allahyarham Dato - - Maarof, saya curi ilmu dari dia jugak. Dia jadi ayah saya masa tu, saya rasa umur saya dalam tiga puluh [30] an kot masa tu, jadi sama ada ilmu yang saya tanya dia ataupun ilmu yang saya curi saya tengok dia, sebelum satu babak dia buat apa, curi je. Itupun ilmu jugak. Tapi memandangkan sekarang ni pusat-pusat pengajian tinggi dah banyak menyediakan kursus-kursus yang berkaitan dengan seni, jadi kalau dapat melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi tu, lebih baik.

**M.H** : **Okay, jadi itu soalan terakhir daripada saya. Saya akan terus- sesi ini akan diteruskan dengan saya beri kepada kawan saya iaitu Aimah Hakim.**

**A.H** : **Okay terlebih dulu, Assalamualaikum Encik Zulkifli, soalan pertama daripada saya, Encik terkenal dengan watak ASP [Asisten Superitenden Polis] Razlan dalam ‘*Gerak Khas*’. Boleh berkongsi bagaimana Encik mendapat watak tersebut?**

**E.Z** : Watak Razlan tu sebenarnya bermula dengan ASP [Asisten Superitenden Polis] kemudian dinaikkan pangkat ke DSP kemudian dinaikkan pangkat lagi kepada *Superintendent* [Superintenden]. Masa saya berhenti ‘*Gerak Khas*’ tu *Superintendent* [Superitenden] masa tu sebenarnya. Okay, saya dapat panggilan dari Allahyarham Yusuf Kelana beritahu saya pihak Skop Production masa tu Dato’ Yusof Haslam masa tu belum Dato’ lagi, berhasrat untuk menawarkan saya watak dalam cerita ‘*Gerak*

*Khas*'. Saya pun pergi ke sana berbincang watak yang ditawarkan ialah watak ASP [Asisten Superitenden Polis] Razlan jadi -- okay hasil perbincangan tu saya bersetuju untuk melakonkan watak tu sebab tak silap saya seminggu kemudian baru mula pengembalaan, seminggu selepas tu baru lah mula pengembalaan. Saya ambil peluang dalam masa seminggu tu, perkara pertama sekali yang saya buat adalah pergi ke Muzium Polis. Pergi ke Muzium Polis, perkara pertama adalah menghafal pangkat-pangkat polis dari Konstabel sampai ke *Top Lane* Negara, saya hafal kedudukan pangkat, saya hafal kedudukan *Crown* [paku] dan apa dan sebagainya kalau begini pangkatnya apa kalau begini pangkatnya apa sebab masa tu saya takda ilmu dalam bidang tu saya takda ilmu dalam bidang tu boleh nak *call* [telefon] kawan saya tanya tapi saya rasa benda paling baik saya terus pergi ke Muzium la, saya pergi Muzium tu ada pameran ada banyak la saya boleh tahu dan saya juga perlu tahu banyak benda tentang polis banyak benda yang saya perlu tahu, jadi yang pertama sekali tula pangkat, contoh pada waktu itu kalau tiga [3] paku *Chief Inspector* [Cif Inspektor] tiga [3] paku juga ASP [Asisten Superintenden Polis] yang apa yang membezakan, apa yang membezakan oh dekat topi tu lain dan juga dekat kolar ni lain, oh kolar begini ASP, kolar begini *Chief Inspector* [Cif Inspektor], *Chief Inspector* [Cif Inspektor] satu pangkat bawah ASP [Asisten Superitenden Polis]. Jadi maksud saya di situ saya pergi cari benda-benda tu untuk membantu lakonan saya sebab macam mana saya nak bawa watak seorang polis kalau saya tak tahu apa-apa pasal polis, jadi saya kena kenal saya kena kenal saya kena kenal watak tu. Itu yang pertama saya buat lepas tu baru la saya cuba benda-benda lain cuba cari perkara-perkara lain lagi, apa lagi tentang polis -- tadi saya sebut *Chief Inspector* [Cif Inspektor] sekarang saya rasa dah takda dah pangkat *Chief Inspector* [Cif Inspektor]. Orang kampung waktu tu panggil tiga [3] paku je, orang kampung tak sebut kalau macam orang kampung saya di Kedah "uih tiga [3] paku turun oo" tiga [3] paku kerana dia tak tahu ASP [Asisten Superitenden Polis] ke *Chief Inspector* [Cif Inspektor] dia main sebut tiga [3] paku, orang-orang kampung kan, itula -- cuba sedikit demi sedikit apa ni sedikit demi sedikit saya cari ilmu-ilmu itu sampai la saya ke tempat pengembalaan, saya masih ingat lagi hari pertama pengembalaan waktu tu saya seorang perokok sebenarnya

dulu, saya seorang perokok tapi saya dah sepuluh [10] tahun berhenti, dah sepuluh [10] tahun saya bebas rokok, waktu tu saya masih merokok hari pertama pengembalaan saya pakai *uniform* [pakaian seragam] ASP [Asisten Superitenden Polis], saya hisap rokok dekat satu sudut datang satu Sarjan tabik saya “Selamat pagi Tuan” saya dah panik “minta maaf Tuan, nak hisap rokok topi buka Tuan” saya pun baru perasan oh saya pun buka topi dan merokok di satu tempat. Banyak lagi rupanya saya kata dalam hati saya, ingatkan dah okay dah la pergi *study* [belajar] rupanya ada banyak lagi yang saya tak tau jadi sejak tu saya akan bertanya dulu, boleh ke kalau macam ni, boleh ke kalau macam ni. Jadi pagi-pagi *shooting* [berlakon] saya dah dapat satu ilmu rupanya tidak boleh merokok kalau pakai topi tapi sekarang kalau tanya saya, saya kata pakai topi ke tak pakai topi ke pakai kopiah ke pakai songkok ke jangan hisap rokok kalau tanya saya la sebab saya dah sepuluh [10] tahun berhenti merokok kan (ketawa) tak kisah jangan merokok.

- A.H : **Okay soalan seterusnya, apakah perasaan Encik apabila ASP [Asisten Superitenden Polis] Razlan disambut baik oleh penonton?**
- E.Z : (ketawa) Benda dah lama sangat ni, dah dua puluh [20] tahun lebih ni, saya nak ingat balik tu memang -- (ketawa) dua puluh [20] tahun lebih. Saya tak kisah la watak apa pun kalau watak yang saya buat tu disambut baik memang saya rasa saya rasa suka la, watak ASP Razlan saya bawa dengan cara tu tapi ada juga yang komen ada juga sikit komen tapi saya terima je mungkin mereka mempunyai pandangan yang lain saya terima je tapi kebanyakannya memang suka dengan watak yang saya bawa tu, alhamdulilah saya suka.
- A.H : **Faham. Okay seterusnya, berapa lamakah Encik membawa watak tersebut di dalam siri ‘*Gerak Khas*’?**
- E.Z : Sepuluh [10] tahun lebih kurang la, dari 2001-2012.
- A.H : **Okay seterusnya, bilakah kali terakhir Encik membawa watak tersebut?**
- E.Z : Bulan May 2011, saya bawa watak *Superintendent* [] la masa tu. Saya bawa watak

*Superintendent* [] Razlan tapi watak polis ada lagi saya bawa selepas tu dalam cerita-cerita lain, ada saya pernah jadi ACP Rahmat dalam cerita '*Keluarga Kamil*', tu watak polis lagi la.

- A.H : Okay seterusnya, apakah antara karya filem dan telefilem yang Encik telah lakukan sebelum siri '*Gerak Khas*'?
- E.Z : Wow, lebih seratus rasanya, bermula tahun lapan puluh enam [1986], waktu saya dah buat '*Gerak Khas*' tu, saya dah tak jadi *hero* [watak utama] lagi dah, waktu '*Gerak Khas*' tu, saya menjadi *hero* [watak utama] *last* [kali terakhir] tahun sembilan puluh lapan [1998] atau sembilan puluh sembilan [1999] saya pun tak ingat, sembilan puluh lapan [1998] saya masih lagi watak *hero* [watak utama]. Lepas tu buat '*Gerak Khas*', nak tanya filem sebelum terlalu banyak terlalu banyak. Antaranya, watak saya jadi perempuan itu semua yang *famous* [terkenal] tu, tu semua *famous* [terkenal] tu cerita-cerita yang *famous* [terkenal] tu. Watak saya jadi perempuan, cerita saya dengan orang gaji yang bernama Piah, Ellen Sofia, ada satu cerita kerjasama Malaysia Indonesia '*Kembara Bermusim*' -- apa lagi, cerita jadi apa cerita saya tak ingat tajuk tapi ceritanya saya jadi seorang penulis yang nak menyiapkan sebuah novel dia, orang yang kuat hisap rokok. Akhirnya manuskrip dia siap dan dia pun mati, saya tak ingat tajuk jadi anak yatim dia mati pun di rumah anak-anak yatim. Banyak la banyak -- apa nama kalau yang bersiri cerita '*Opah*' saya jadi *pilot* [juruterbang] Leftenan Azman dalam cerita '*Opah*'. Lepas tu '*Menara Impian*' antara cerita korporat, '*Menara Impian*' saya rasa lebih seratus [100] saya tak ingat. Senarai tu ada saya buat kat mana saya tak ingat ada pernah sayapernah buat dekat blog dulu tapi dekat blog yang tak aktif, nak buka balik pun tak reti dah.
- A.H : Okay faham, soalan seterusnya apakah pandangan Encik tentang penglibatan anak muda dalam pementasan teater?
- E.Z : Teater ini sebenarnya adalah sesuatu yang cukup bagus, dalam teater ni kita dapat belajar macam-macam bukan setakat nak jadi pelakon. Mungkin ramai orang silap, masuk teater nak jadi pelakon, bukan, masuk teater untuk nak jadi apa saja. Nak jadi

cikgu kalau boleh dia ada ilmu teater, bagus, macam mana dia nak bercakap sorang-sorang di depan kelas yang ada empat puluh orang [40] dia nak *control* [kawal] tu, dia boleh guna ilmu teater, pakai ilmu teater tu. Nak jadi apa lagi kan, pendek kata apa dia belajar di teater tu boleh digunakan di mana-mana saja. Memang cukup baik untuk anak muda terutama sekali pelajar universiti. Macam anak saya yang kat Korea tu pun dulu dia masa dia buat *first* [pertama] *degree* [ijazah sarjana muda] dekat UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] dia *join* [sertai] teater, dia pun *join* [sertai] teater juga walaupun dia bukan seorang pelakon, dia tak jadi pelakon, tak ada kena mengena dengan pelakon pun tapi sekarang bila dia jadi pensyarah dia boleh gunakan ilmu dia masa dalam kelas teater tu, boleh je. Macam anak saya yang lelaki dia ambil filem, dah tentulah ada kaitan secara langsung dengan teater.

- A.H : Okay soalan seterusnya, pada pendapat Encik, apakah komen Encik tentang kualiti lakonan zaman sekarang berbanding dengan zaman dahulu?**
- E.Z :** Dah tentulah zaman yang lebih dulu dari saya, zaman-zaman yang lebih dulu dari saya memang -- dengan keadaan mereka yang tak tahu membaca, dengan keadaan masa tu memang tak terlawan lah kehebatan pelakon-pelakon zaman dulu macam semasa zaman Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Antara pelakon-pelakon hebat macam Noordin Ahmad macam Normadiah macam Hussein Abu Hassan, Ahmad Mahmud apa semua tu, yang kalau pelakon serius kalau yang komedi pun dari zaman tu S. Shamsuddin, A.R Tompel semua memang cukup bagus, jadi kualiti lakonan mereka memang cukup bagus. Yang sekarang pun bagus, yang sekarang pun saya tengok tak kurang hebatnya cuma mungkin perlu lebih -- ada ada yang bagus tapi maknanya yang kurang, yang kurang tu masih perlu diperbaiki perlu diperbaiki lagi dari macam-macam la banyak segi la mungkin perlu diperbaiki lagi. Benda ni subjektif kalau kita nak cakap mana lebih bagus, ada yang sekarang lebih bagus pun ada. Jadi benda tu agak subjektif, cuma orang dulu saya tengok komitmen dorang tu lebih. Dia dapat satu watak tu dia akan berusaha buat sedaya upaya nak buat macam mana mengikut kehendak naskah dan juga mengikut kehendak pengarah tu. Kalau pengarah tu kata tak cukup nak kena lagi, ulang berkali-kali. Sekarang ni ada juga pelakon bila ulang

banyak kali dia macam “apa lagi tak betul eh? apa lagi ah?” ada juga yang macam tu, pasal apa ulang banyak kali dan -- tapi pengarah dulu-dulu pun garang katanya, zaman sekarang ni pengarah garang zaman saya pun pengarah garang. Sekarang ni saya tengok ada sorang dua, kebanyakan pengarah lain dah tak garang tapi tak bermakna pengarah tak garang kitaa boleh buat main-main. Prinsip saya seorang pelakon pergi ke *set* [tempat] menyerahkan dirinya bulat-bulat ke pengarah “okay *you* [awak] nak *i* [saya] buat macam mana”, pastu – cuma beza nya sekarang dah boleh banyak berbicang, berbincang dengan pengarah “macam mana kalau saya buat macam ni” pengarah mungkin setuju mungkin tak setuju. Macam mana buat macam ni bincang ke, tapi saya tetap menghormati pengarah sebab pengarah baca skrip lebih banyak kali, lebih banyak kali hadam berbanding pelakon. Saya pun baca hadam, pengarah baca lebih banyak kali dan lebih banyak kali hadam. Maknanya dia lebih mahir tentang apa yang ada dalam skrip tu.

- A.H : Okay soalan seterusnya, apakah pendapat Encik tentang industri drama dan profileman sekarang? Adakah Malaysia makin maju atau mundur dalam industri ini berbanding dulu?**
- E.Z :** Benda ini berkait -- perkara ini berkait dengan pemikiran kita ini berkait rapat -- sekarang ni banyak drama, kita boleh tengok banyak drama banyak saluran ada banyak tapi kita kena pilih mana yang terbaik, bukan nak kata semua tak baik tapi ada yang baik tapi mungkin kebanyakannya bukan tak baik tapi dibuat mengikut selera peminat, dibuat mengikut selera pihak-pihak tertentu sedangkan sebuah karya sepatutnya bebas. Bebas terpulang kepada peminat untuk menilai. Jadi, saya dengar sekarang ni pemilihan pelakon berdasarkan jumlah *followers* [pengikut] Instagram. Itu hak stesen TV [televisyen] dia kata macam tu nak buat macam mana, itu hak dia sebagai Tuan punya stesen tapi untuk rakyat keseluruhan, saya rasa macam tak adil sebab ada pelakon-pelakon yang hebat yang *followers* [pengikut] mereka kurang, ada ada pelakon-pelakon yang hebat contoh macam yang zaman saya ada yang hebat-hebat tapi zaman sekarang dah tak popular, dah tak berlakon mungkin pengarah-pengarah baru, pengurus produksi yang baru mungkin dah tak kenal mereka tapi kita

tak boleh kata mereka tak bagus. Mereka pun bagus cuma mereka mungkin tak ada Instagram pun bukan setakat tak banyak *followers* [pengikut] mungkin tak ada Instagram pun. Ada yang cuba buka Instagram tapi *followers* [pengikut] cuma ada tiga [3000] empat ribu [4000]. Jadi pada saya pemilihan pelakon sebenarnya berdasarkan bakat dan kesesuaian dengan watak tu. Saya lebih setuju macam tu la, saya tengok bila satu watak -- bila pengarah tengok satu watak dia boleh bayangkan ini pelakon ni sesuai dengan watak ni. Tengok pada keperluan pelakon tu, katakan la keperluan pelakon tu yang umurnya lima puluh an [50] pandai bersilat sudah pasti Eman Manan. Umur lima puluh an [50] (ketawa) ada juga orang lain tapi sebelum umur lima puluh an [50], yang kurang lima puluh an [50] ada lagi otai-otai lain. Jadi bila pengarah dia baca skrip dia dah boleh bayangkan, jadi biasa pengarah yang cadangkan pelakon ni untuk watak ni, pelakon ni untuk watak ni, boleh bincang tengok. Tapi kalau -- tapi saya faham dari segi bisnes memang syarikat stesen TV [televisyen] memilih yang banyak *followers* [pengikut] sebab mereka perlukan promosi. Seorang pelakon yang ada dua [2] juta *followers* [pengikut] sekali dia pos dekat Instagram, dua [2] juta orang baca. Sepuluh [10] percent [peratus] dua ratus [200000] ribu yang tengok dah kira besar berbanding dengan pelakon yang hanya ada dua ribu [2000] *followers* [pengikut] Instagram cuma dua ribu [2000] yang baca. Mungkin itu, mungkin la alasan pihak stesen TV [televisyen] tapi macam mana pun pada saya, pemilihan pelakon tetap berdasarkan bakat. Kita pilih yang berbakat, kalau yang popular tapi bakatnya kurang akan timbul banyak kesulitan semasa pengembalaan. Akan berlaku banyak kesulitan dan mungkin juga akan menyusahkan pelakon-pelakon yang lain, yang memang dah bersedia seratus [100] peratus. Jadi balik lah pula kepada falsafah hidup saya, saya sebut tadi kita hidup jangan menyusahkan orang (ketawa). Ini semua pandangan peribadi saya ya, orang berhak untuk setuju berhak untuk tidak setuju.

**A.H : Okay soalan seterusnya, adakah Encik mempunyai sebarang kerjaya lain seperti bisnes luar selain berlakon?**

**E.Z : Tak ada, saya seorang pelakon sepenuh masa yang mencari rezeki hanya dengan**

lakonan. Pernah buat macam-macam bisnes tapi tak menjadi, pernah cuba sambil tu buat meniaga tu buat meniaga ni tapi nampaknya buat masa ni rezeki saya dalam bidang seni.

- A.H : **Faham. Seterusnya, adakah Encik pernah terdetik untuk berhenti dari dunia lakonan? Jika ya, mengapa?**
- E.Z : (ketawa) Saya tak pernah terfikir sebenarnya nak sampai ke peringkat berhenti, berhenti tu saya tak pernah terfikir lah sebab saya tidak ada kerja lain. Apabila saya berhenti maksudnya sumber pendapatan saya pun terhenti. Jadi kurangkan tu mungkin, maksudnya kalau sekarang dalam sebulan saya *shooting* [berlakon] dua puluh lima [25] hari kurangkan jadi lima belas [15] hari ke, itu mungkin. Tapi buat masa ni selagi ada tawaran untuk saya, sesuai dengan watak, sesuai dengan waktu dan sesuailah dengan semua perbincangan saya terima je buat masa ni, belum terfikir lagi la untuk berhenti (ketawa).
- A.H : **Okay seterusnya, adakah Encik pernah lalui detik pahit dalam bidang lakonan yang Encik tidak boleh lupakan sehingga hari ini?**
- E.Z : Banyak sebenarnya kalau nak ikutkan pengalaman-pengalam *shooting* [berlakon] ni banyak maklum lah merantau lokasi yang perlu di merata tempat, seluruh tempat, sampai ke luar negara pun ada. Kalau nak dikatakan pengalaman pahit, ya saya jadi jahat waktu tu, saya berlakon sebagai pengedar dadah. Babaknya di lapangan terbang saya tak ingat dah KLIA [Kuala Lumpur International Airport] ke ataupun subang, saya rasa subang, Subang *Airport* [lapangan terbang]. Jadi kameranya di luar bangunan, *sorry* [minta maaf] kameranya di dalam bangunan, cermin gelap orang luar bangunan tak nampak apa yang berlaku di dalam. Saya berlari dari dalam *Airport* [lapangan terbang] berlari ke luar kononya babak tu saya dikejar oleh polis sebab saya ni pengedar dadah. Bila saya lari ke luar -- masa di dalam tak ada masalah apa-apa, dah buat dah kejar apa semua, berlari kejar-mengejar. Saya keluar ke pintu tu lalu di luar bangunan, dua [2] polis dibelakang saya kejar saya sampai kat depan tu ada satu bangku ada seorang lelaki berbaju batik duduk di bangku tu, dia nampak seorang

lelaki dikejar oleh dua [2] orang polis. Dia terus bangun, dia terus pegang saya, dia hentak dekat dinding, dia terus *lock* [kunci] saya kat belakang. Saya biar sebab kamera kat dalam, saya biar jela, maksudnya saya tak boleh *cut* [hentikan lakonan] itu satu lagi pantang pelakon tak boleh *cut* [hentikan lakonan] sendiri (ketawa). Kuasa untuk *cut* [hentikan lakonan] adalah kuasa pengarah jadi saya tak boleh *cut* [hentikan lakonan] walaupun saya tahu itu di luar skrip. Sebab saya fikir juga mungkin agaknya pengarah ada beritahu dia tapi dia tak beritahu saya mana tahu kan tapi polis yang di belakang tu cepat-cepat datang “cik-cik *shooting* [berlakon] cik” dia pun “ha *shooting* [berlakon]” -- lelaki tu pun lepaskan saya “alamak *sorry* [minta maaf] bro *sorry* [minta maaf] *sorry* [minta maaf] apasal tak cakap *shooting* [berlakon]” lepas tu dorang cakap ada kamera dekat dalam. Dia tak nampak kamera, ada tiga [3] - empat [4] kamera, dia cakap *sorry* [minta maaf] *sorry* [minta maaf] dekat saya. Rupanya dia adalah seorang anggota polis yang berpakaian biasa yang sedang menjalankan tugas (ketawa). Dan ialah dia tak diberitahu sebab orang tak tahu dia polis jadi orang tak beritahu dia lah, kata akan berlaku pengembalaan. Polis-polis lain dah di bagitahu tapi dia memang tak boleh di bohongkan jadi saya rasa nasib baik saya pun teringat nasib baik, kenapa saya kata nasib baik. Masa tu saya lari tangan saya tak pegang senjata, ikut skrip asal saya lari dengan pistol. Bayangkan kalau saya lari dengan pistol (ketawa) saat-saat akhir pengarah kata tak payah pistol, kalau la saya berlari dengan pistol, entah takkan dia nak tangkap je kot (ketawa) tak tahu la benda tu dah berlaku jadi Allah dah dorong begitu jadinya. Setakat saya kena tangkap tapi sakit la dia kilas tangan saya ke belakang dia *lock* [kunci] saya dekat dinding tu, dia hentak saya dekat dinding tu memang sakit memang sakit dan sebab dia buat betul-betul tapi tiga [3] kali dia minta maaf, tiga [3] - empat [4] kali dia minta maaf pun minta maaf la dekat dia sebab tak maklumkan ada pengembalaan. Jadi saya rasa itu la antara pengalaman saya. (ketawa)

### TAMAT BAHAGIAN 3

## **BAHAGIAN 4: ANUGERAH DAN PENCAPAIAN**

- A.H : Soalan pertama, apakah pencapaian Encik Zulkifli sepanjang Encik berkarya dalam dunia lakonan?**
- E.Z : Saya tidak pernah memenangi apa-apa anugerah, tidak pernah memenangi apa-apa anugerah. Pernah beberapa kali tercalon ke peringkat akhir, *Top Five* [lima terbaik] untuk anugerah pelakon pembantu terbaik tapi setakat ni belum pernah menang. Jadi dari segi anugerah dalam bidang seni saya tidak menerima apa-apa anugerah tetapi anugerah dari Istana, saya ada pingat ataupun bintang, saya ada bintang kebaktian masyarakat di KL [Kuala Lumpur] yang saya terima tak silap saya 2009 atau 2010 dari Almarhum Sultan Kedah tu je la ada anugerah sikit.**
- A.H : Okay faham. Soalan kedua, sebelas [11] tahun bersama ‘*Gerak Khas*’ juga suatu pencapaian, dari ASP [Asisten Superitenden Polis] dinaikkan pangkat ke DSP [Deputi Superitenden Polis] dan seterusnya Superitenden. Apakah perasaan Encik Zulkifli apabila dapat terlibat dalam sir bersejarah Malaysia ini?**
- E.Z : Sepanjang seorang pelakon sebenarnya saya -- watak apa pun yang diberikan saya bangga. Watak apa yang diberikan saya tetap akan buat, maksudnya jangan kata watak pegawai polis kalau watak tukang kebun balai polis pun InsyaAllah saya terima saya akan buat yang terbaik sebab kebanggan tu bukan terletak pada pangkat yang disandang oleh watak tu. Kebanggaan tu daripada sejauh mana saya berjaya membawa watak tu dengan baik. Tu saya kata kalau watak tukang kebun balai yang gila pun boleh terima (ketawa) dari segi apa tu -- memang la orang penggil saya kadang-kadang watak Dato’, watak Tan Sri, watak Tuan semua kan tapi sekali sekala macam saya tengah *shooting* [berlakon] sekarang ni saya jadi orang tua nyanyok nama Pak Salim, Pak Salim nyanyok masuk rumah orang dia buat macam rumah sendiri, tu watak --- pun saya terima. Maksud dari segi watak saya tak kisah apa-apa watak cuma kalau nak dikatakan siri ‘*Gerak Khas*’ tu adalah mencipta sejarah siri terpanjang di Malaysia dan saya salah seorang pelakonnya yang itu ya maksudnya saya berbangga kerana turut serta berada dalam siri yang bersejarah tu memang dari segi tu. Tapi**

bukan dari segi pangkat Superitenden ke apa tak ada itu tak ada kena mengena dengan lakonan tapi turut berada dalam sebuah siri yang mencipta sejarah tu saya bangga tapi siri-siri lain juga saya bangga. ‘*Opah*’ siri yang bersejarah juga. Cerita ‘*Opah*’ pun sebuah siri yang bersejarah dan saya turut berada dalam siri itu pun saya rasa bangga. Cerita saya jadi perempuan tu, tak silap saya pertama kali kot kita -- cerita macam tu tak silap saya lah tapi nak kena rujuk betul-betul. Saya bangga juga menjadi seorang pelakon lelaki yang boleh dikatakan pertama juga kot bawa watak perempuan dari awal sampai habis cerita, saya la Zahid saya la Zahidah, saya la lelakinya saya la perempuannya (ketawa) tu la dah lama. Kita buat dulu sebelum ‘*Ms. Doubtfire*’ cerita apa tu -- lupa nama pelakon dia -- kita dah buat dulu cerita orang lelaki menyamar jadi perempuan jadi -- itu pun saya bangga, dapat buat cerita yang bersejarah juga tu. Lepas tu drama pertama saya ‘*Basikalku*’ tu pun juga merupakan drama yang awal, drama pertama yang mengisi slot cerekarama. Itu la cerekarama yang pertama, ‘*Basikalku*’ juga dalam cerekarama pertama juga pertama awal-awal masa TV3 masa tu saya tak pasti sama ada dah ada drama di buat sebelum tu ataupun itu yang pertama ataupun dah ada satu sebelum tu, saya tak berapa pasti. Kawan-kawan saya la bukan gelaran rasmi pun, kawan-kawan saya panggil *hero* [watak utama] pertama TV3 (ketawa). -- sebab masa tu bila TV3 buat drama pada waktu tu mereka tak nak pelakon-pelakon yang dah selalu keluar RTM [Radio Televisyen Malaysia] mereka nak muka baru sebab tu mereka kenalkan saya untuk cerita tu.

- A.H** : Okay soalan terakhir untuk pencapaian. Jika ‘*Gerak Khas*’ diberi nafas baru, adakah Encik ingin melibatkan diri?
- E.Z** : Tak mungkin, saya dah keluar takkan saya nak patah balik. Kalau saya nak berlakon cerita tu kenapa saya keluar sepuluh [10] tahun lepas kan. Saya pun dah keluar cerita tu, saya pun tak tau masa ada ke? Tak ada kan? Sebab hari tu ada orang tanya saya, ada ke TV3. Saya tak pasti masih ada ke -- saya keluar tahun 2011 maksudnya dah sebelas [11] tahun dah saya keluar kan, jadi -- ya la macam saya kata lah kalau saya masih nak duduk dalam cerita tu kenapa saya keluar kan sebab sekarang saya -- antara salah satu sebab kenapa saya keluar adalah untuk mengisi kekosongan ataupun nak

mengisi ruang pelakon-pelakon untuk watak bapa, kita tak ramai pelakon yang sebaya saya yang sesuai untuk bawa watak-watak bapa sama ada yang bergelar Dato' ke Tan Sri ke kita dah tak berapa ramai yang ada. Jadi saya tujuan saya keluar sepuluh [10] tahun lepas adalah untuk mengisi ruang itu dan alhamdulilah memang saya berada di situ sekarang ni. Saya berada di situ untuk watak-watak yang macam tu. Jadi kalau saya nak patah balik ke '*Gerak Khas*' siapa nak isi tempat tu (ketawa) tak la maksudnya tengok la pada kesesuaian watak lah, tak kisah cerita apa pun. Jadi yang pentingnya macam dalam keadaan sekarang saya lebih sesuai untuk watak-watak macam tu sebab kalau nak ikutkan dari segi rupa saya pun dah rupa orang umur enam puluh [60] walaupun saya setahun lagi nak enam puluh [60], setahun lagi umur saya nak enam puluh [60] tapi saya dah nampak rupa orang-orang enam puluh [60]. Mana ada polis kerja sampai umur enam puluh [60] tak ada kan (ketawa).

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: CABARAN**

- A.H** : Kita akan menuju ke soalan yang merupakan cabaran. Soalan pertama, apakah antara cabaran hidup yang paling diingati Encik Zulkifli?
- E.Z** : Banyak cabarannya tu, kalau saya buat bibliografi saya ras tebal -- banyak cabaran hidup dari zaman kecil-kecil sampai ke sekarang -- kalau nak dikatakan mencabar mana satu, saya ada sebut tadi -- susah saya nak fikirkan apa cabaran hidup yang paling besar, sebab apa saya dah cuba lupakan semua (ketawa) itula dulu ada cabaran duk fikir alamak, sekarang kita tolak-tolak tepi. Bila nak difikirkan balik mungkin yang mana eh --
- M.H** : Mungkin pada zaman-zaman Encik berlakon ke? Mungkin ada masalah dengan *producer* [penerbit] ke macam mana ke contoh macam tu.
- E.Z** : Mungkin *producer* [penerbit] tak bayar duit kot. Itu cabaran kot kot la tapi saya pun dah macam bukan la lupa kan, lupa maknanya mereka tak perlu bayar tapi mereka masih perlu bayar lagi, saya belum halalkan lagi. Banyak kali juga bila saya dah anggap itu sebagai satu cabaran, banyak kali juga saya berlakon tapi tak dapat bayaran. Banyak kali -- yang satu ni *shooting* [berlakon] nya di Penang, sebelum pergi *sign contract* [menandatangani kontrak] di hotel lima [5] bintang, saya pun dapat la cek lima puluh [50] peratus. Pergi Pulau Pinang *shooting* [berlakon] duduk pun di hotel lima [5] bintang di Pulau Pinang. Berlakon, berlakon, berlakon, berlakon, berlakon, berlakon, berlakon, berlakon episod saya tak ingat berapa episod tapi lokasinya di Pulau Pinang di seberang. Malam sebelum hari terakhir, *producer* [penerbit] jumpa saya “Zul, besok jumpa saya dekat ‘*Coffee House*’ pukul sembilan [9] pagi, saya nak selesaikan bayaran awak semua”. Saya pun alhamdulilah Dato’, dia seorang Dato’ (ketawa) terlepas pula. Dia seorang Dato’ tapi saya tak nak sebut Dato’ apa. InshaAllah Dato’. Jadi esok pukul sembilan [9] pagi, dengan muka yang ceria tunggu la dekat -- sebelum pukul sembilan [9] saya dah sampai, kawan-kawan lain pun dah sampai. Kita dah siap sarapan semua, nak pergi *shooting* [berlakon] hari terakhir kita dah tunggu dekat ‘*Coffee House*’ kita bincang dengan *director* [pengarah]

tolong kita lewatkan sikit, okay. Tunggu, tunggu, tunggu sampai sembilan setengah [9:30] tak nampak kelibat sampai pukul sepuluh [10] tak nampak kelibat, tanya-tanya dorang “Eh Dato’ dah balik Kuala Lumpur, *flight* [penerbangan] pukul lima [5] pagi tadi, pukul lima empat puluh lima [5:45] pagi tadi”. Itulah kali terakhir saya nampak Dato’ tu sampai sekarang dah dua puluh [20] tahun lebih itu salah satu. Maknanya saya dapat cuma enam [6] lima puluh [50] peratus saja bayaran yang saya dapat untuk drama tu. Ada yang lebih teruk lagi, ini *shooting* [berlakon] nya tiga puluh [30] episod. Tiga puluh [30] episod -- peringkat awal saya tanda tangan untuk enam [6] episod sahaja. Watak saya tu terlibat untuk enam [6] episod. Jadi -- setuju ambil lima puluh [50] *percent* [peratus] dari enam [6] episod. Kemudian saya pergi la *shooting* [berlakon], *shooting* [berlakon] *shooting* [berlakon] *shooting* [berlakon] *shooting* [berlakon] sampai satu hari pengarah panggil saya. “Zul, kita ada sedikit masalah dengan satu [1] watak lagi. Pelakonnya gagal bawa watak tu mengikut kehendak naskah dan juga kehendak pengarah. Jadi dia nak tukarkan saya amik watak tu. Saya tanya watak tu panjang ke, watak tu ada tiga puluh [30] episod. Alhamdulillah saya kata, daripada watak enam [6] episod amik watak tiga puluh [30] episod tapi pengarah kata dia cuba gabungkan kedua-dua watak tu. So [jadi] watak A dan watak B digabungkan menggunakan seorang pelakon. Jadi saya akan terlibat sepanjang tiga puluh [30] episod. Saya pun tanya bayaran, okay bayaran kata mereka pengurus produksi akan uruskan bayaran saya yang enam [6] tadi tu darabkan menjadi -- enam [6] tadi tu dibahagikan menjadi satu episod darab la tiga puluh [30]. Jadi, tunggu tunggu tunggu tunggu sampai la masa takda perbincangan apa-apa. Sampai lima puluh [50] peratus penggambaran saya tanya dorang sebab haritu semua orang dapat bayaran, semua orang -- oh *sorry* [minta maaf] lima puluh [50] lima puluh [50] dia buat tia [3] kali bayaran. So [jadi] yang ketengah tu datang -- saya cuba dapat bayaran lagi tiga puluh [30] peratus untuk enam [6] episod -- oh yang lain tu tak ada dalam rekod nanti kita akan kemudian sampai la habis *shooting* [berlakon], habis penggambaran saya hanya dapat baki bayaran untuk enam [6] episod yang dua puluh empat [24] episod lagi sampai sekarang la dua puluh tiga [23] tahun, saya pun tak dapat bayaran tu. Saya naik turun ke syarikatnya ke pejabatnya naik turun naik turun

ke pejabat tanya masa tu, masing-masing tak tau. Kami tak tau sebab pengarah lah yang tukar awak jadi tiga puluh [30] episod apa ni semua kami tak tau. Sampai sekarang dah macam ni -- tapi saya tetap menunggu bayaran tu -- tu hak saya, itu hak penat lelah saya. Berada sebulan lebih di luar negeri luar dari Kuala Lumpur, saya tak nak sebut di mana takut nanti orang tau siapa. Lama dah ceritanya berlaku, lepas tu sampai sekarang la -- ada saya pernah jumpa dengan *owner* [pemilik] syarikat tu, datang *office* [pejabat] datang *office* [pejabat] kita bincang. Datang *office* [pejabat] dia takda. Pasrah saya, dari segi konteks hitam putih pun sebab saya takda kontrak, kontrak pun kontrak mulut je, saya tak tau la saya masih ada dari segi undang-undang la saya masih ada hak atau tidak. Dari segi hukum memang hak saya la kan tapi dari segi undang-undang tak tau la ada hak ke tidak. Kontrak pun hanya cakap mulut, pengarah -- antara saya dengan pengarah. Antara kenangan pahit la kot sepanjang menjadi pelakon.

- A.H** : Okay soalan seterusnya berkaitan dengan konten Encik Zulkifli di media sosial, pernahkan Encik menerima komen negatif dari pihak netizen?
- E.Z** : Ada je komen negatif, mana yang komennya tu masih -- ada yang komennya tu masih masuk akal saya akan jawab, saya akan jawab kalau saya ada masa saya rajin saya buka saya kan jawab komen-komen yang masuk akal lah yang masih boleh jawab. Mana komen yang terus hentam tu saya tak layan lah yang terus hentam apa -- apa nampak dorang pun bukan pandai sangat, saya akui saya bukan seorang pakar bahasa, saya bukan seorang *linguist* [ahli bahasa]. Saya cuma seorang yang minat bahasa je saya minat bahasa je, saya bukan pakar mungkin apa yang saya sebut tu tak berapa tepat. Jadi kalau -- ada juga komen yang mengatakan contoh la ada orang Kedah kata, aku pun orang Kedah juga tak pernah dengar pun perkataan ni. Takkan la dia tak pernah dengar perkataan tu salah saya kan, takkan la kan. Jadi mungkin salah mak ayah dia yang tak menurunkan mengajar perkataan-perkataan tu, jadi salah satu tujuan saya buat konten yang macam tu sebab saya dapati dah ramai orang Kedah sekarang ni yang dah tak tau perkataan-perkataan Kedah yang asal, dah bercampur. Orang Kedah dah panggil basikal sekarang dah tak panggil geyhek dah. Anak-anak buah

saya pun panggil basikal dah. Apatah lagi yang lebih dalam macam tekoh-tekoh untuk kadang-kadang, saya rasa saya -- orang dah tak pernah dengar dah pun. Budak sekarang sebut kadang-kadang tak pernah dengar dah tekoh-tekoh tu, itu tujuannya saya buat supaya -- saya buat dalam bentuk video, saya nak buat kamus tapi saya buat dalam bentuk video supaya senang. Kamus ni kan orang nak bawa tebal-tebal enam ratus [600] muka surat seribu [1000] muka surat orang tak nak bawa. Jadi tik tok tu senang-senang sekarang ni saya buat sekarang ni dah tiga puluh enam [36] bahagian jadi senang, di simpan dalam tu. Jadi kalau tiba-tiba sepuluh [10] tahun lagi orang fikir "eh apa ya kadang-kadang dalam loghat Kedah apa eh" cari balik tik tok pakcik tu dulu ha kan tu je tujuan saya. Jadi kalau mana yang negatif tu saya biar jela, saya biar mana yang saya boleh jawab contoh yang jawab katakan orang tu kata "ni bukan dalam Kedah je bang orang Penang pun sama". Kalau tengok saya jawab saya kata, kalau tengok dari siri awal sampai sekarang saya sebut loghat Kedah sebab bukan semua perkataan Kedah tu orang Penang faham. Saya takut nanti -- saya lebih takut orang Penang kata "bro mana ada orang Penang cakap macam tu". Saya lebih takut tu dari -- sebab tu saya guna loghat Kedah, betul, mungkin tujuh puluh [70] peratus lapan puluh [80] peratus perkataan Kedah orang Penang faham tapi ada perkataan-perkataan tertentu orang Perak tak faham. Perkataan Perlis orang Kedah tak faham, hospital Perlis sebut gedong, orang Kedah pun sebut gedong pergi pasar raya la di '*supermarket*'. Jadi itu sebab saya sebut Kedah supaya dia lebih selamat. Ada juga yang -- ini saya dah betulkan dua [2] tiga [3] kali ada orang Kedah yang ejा -- orang Kedah tak sebut bunyi ra dia sebut bunyi gha, dia tak sebut bunyi ra. Dia tak kata ramai, dia kata ghamai. Ghamai saya -- apa yang saya faham ejanya adalah G-H, gh untuk gha sebab tu tabligh, G-H tabligh bunyi gha tu kan tapi ada orang Kedah yang ejा sebagai Q, Q bunyi qha, Quran, Q Qari Q ada juga orang yang buat qh yang tu saya tak tau saya tak pernah jumpa istilah linguistik ni ejaan Q-H lagi. Jadi ada juga orang yang betulkan saya bab itu tapi saya kata -- tapi saya berpegang pada gh untuk gha sebab tabligh T-A-B-L-I-G-H bukan L-I-Q tabliq bukan dia tabligh sama la tu saya akan tulis contohnya macam ghamai macam semalam saya buat apa ghembang, G-H, ada juga yang tegur yang kata saya salah. Dia kata saya salah, patutnya Q. Yang

macam tu boleh jawab saya jawab la, yang betul betul *condemn* [memerli] saya biar. Ada yang *condemn* [memerli] -- ada satu tu dia kata teruknya bahasa orang Kedah, saya biar je lah. Dia sebut terkunya bahasa orang Kedah, saya tak nak la jawab kata dua [2] datang dari Kedah, tak nak la sebut -- biar la dia (ketawa).

## TAMAT BAHAGIAN 5

### BAHAGIAN 6: HARAPAN

- A.H : Okay *so* [jadi] untuk bahagian yang terakhir iaitu harapan. Soalannya ialah **apakah harapan Encik kepada generasi sekarang yang berkecimpung dalam bidang industri seni ini?**
- E.Z : Yang pertama, saya ulang balik apa yang saya kata tadi. Selain bakat, ilmu tu penting, dulu tak banyak pusat pengajian yang ada ilmu dalam seni. Sekarang dah banyak UiTM [Universiti Teknologi Mara] ada ASWARA [Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan] ada USM [Universiti Sains Malaysia] ada jadi kalau berminat dengan – boleh cuba dapatkan ilmu di sana. Cuba cuba belajar di sana, kalau tak mampu ataupun tak nak buat sampai ke peringkat ijazah atau diploma ada juga kursus-kursus jangka pendek. Selain dari pusat pengajian, ada juga orang seni yang menganjurkan kursus lakonan kalau lakonan la, Kak Fauziah Nawi, Ibu Fauziah Nawi, OG Ahmad Daud yang membuat kelas lakonan. Boleh cuba cari dorang cuba belajar lakonan dengan dorang cuba tambah ilmu. Bakat tu ada alhamdulilah bukan semua orang ada bakat. Yang ada bakat tu syukur alhamdulilah tapi tambah la lagi dengan ilmu juga yang lain sebab saya berpegang dalam dunia lakonan atau dunia seni ni sebenarnya -- apa saja ilmu di sekeliling kita boleh membantu. Bukan saja ilmu belajar dalam seni, kalau kita ada ilmu dalam lain pun alhamdulilah. Contoh katakan, kata lah contoh orang mungkin pikir aku perlu belajar matematik kalau nak masuk dalam bidang lakonan, apa perlunya tapi pada saya ilmu matematik pun mungkin boleh digunakan mesti boleh digunakan. Okay contohnya katakan pengarah

bagi satu carta dalam carta tu di tulis -- katakan saya bagi contoh la, ini adalah -- carta tu adalah carta kes-kes jenayah mengikut kes-kes jenayah di setiap daerah dalam -- Kuala Lumpur. Dia pun bagi satu carta kita dapat tengok dalam -- ada berapa kes, berapa kes tu pula dibahagikan kes samun berapa kes rompak berapa kes rugut berapa dia cuma bagi satu carta. Katakan la pengarah kata okay awak tengok carta ni dan sekarang awak cakap la mengenai carta ni. Kalau orang tu tak pandai matematik susah juga dia nak huraikan. Dia nak beritahu kes rogol menurun sebanyak dua [2] peratus, susah dia nak -- sebab dia tak dapat nak mengira angka-angka. Dia tak tulis peratus dekat situ dia tulis angka -- pandangan saya macam tu la kalau dia -- lagi baik. Sama juga macam, katakan mahir dalam bahasa lain, bahasa Inggeris dah tentu la. Buku rujukan pun banyak bahasa Inggeris, kemudian dalam -- kadang-kadang mungkin kena bercakap bahasa Inggeris. Kalau ada kemampuan bahasa lain Jepun ke bahasa Jerman ke lagi baik. Mana la tau dapat membantu, tiba-tiba pula kena berlakon macam saya kata kena cakap bahasa Jepun ke sekurang-kurangnya boleh faham sikit-sikit jadi la. Boleh cakap Arab ke boleh faham sikit-sikit pun jadi la. Jadi pada saya macam tu la, nak jadi apapun ilmu tu penting. Jadi bila dah ada ilmu, ada bakat *proceed* [teruskan] teruskan untuk menjadi seorang pelakon dan disiplin kena jaga. Disiplin tu bukan bermakna kena datang awal saja ada banyak lagi. Setakat datang awal belum cukup disiplin, ada banyak lagi benda lain.

- A.H** : Okay seterusnya, apakah harapan Encik terhadap industri profileman pada masa kini?
- E.Z** : Kita dah ramai anak muda yang mencuburi bidang profileman sekarang ni yang bila saya tengok karya mereka memang hebat, ada. Mungkin dalam lambakan yang kurang baik, ada, beberapa yang hebat. Yang saya nampak boleh pergi sampai ke lebih luas la, boleh pergi lebih jauh lagi. Ada beberapa anak muda -- kalau boleh -- sebab saya berpegang -- orang asing kalau datang Malaysia mereka tak makan burger, mereka cari satay. Macam tu juga dengan karya seni ataupun karya-karya filem. Kalau kita buat cerita temanya, penceritaannya semua macam cerita '*Hollywood*' orang putih tak tengok. Mereka nak tengok ada unsur-unsur tempatan, unsur-unsur budaya

tempatan sebab tu kalau kita tengok filem-filem macam ‘*Geran*’ tu antara filem yang hebat ‘*Geran*’ kan, ada unsur tempatan yang diketengahkan. Jadi kalau -- saya harap la lebih ramai pemain industri yang sedarkan perkara ini dan membuat sesuatu berdasarkan budaya tempatan supaya benda ni -- boleh pergi ke peringkat yang lebih jauh.

- A.H : Okay akhir sekali, boleh Encik berikan sedikit kata-kata penutup untuk para peminat Encik yang menyokong Encik Zulkifli dari dulu sehingga kini?
- E.Z : (ketawa) Terima Kasih semua masih lagi menyokong saya, Instagram saya pun dah hampir seratus [100000] ribu, sekarang sembilan puluh tujuh [97] eh sembilan puluh tujuh [97000] ribu. Saya harap -- terima kasih banyak la pada semua membantu, saya tengok *followers* [pengikut] bukan saja orang lama tapi orang baru pun ramai juga *followers* [pengikut] saya. Tik tok saya pun dah seratus tiga puluh [130000] ribu, alhamdulillah. Orang masih boleh menerima saya, kalau ada yang terkurang dekat mana mana tu saya minta maaf la kalau ada terkurang dekat mana mana, ada kesilapan dekat mana mana tapi secara keseluruhannya saya nak ucapkan terima kasih banyak-banyak pada semua yang masih menyokong saya. Saya bersyukur saya masih berada dalam dunia seni ni walaupun dah tiga puluh tujuh [37] eh (ketawa) dah tiga puluh tujuh [37] tahun eh dah tiga puluh tujuh [37] ke tiga puluh lapan [38] tahun. Dah tiga puluh tujuh [37] tahun dalam industri ni, saya masih ada dekat sini. Syukur walaupun saya tak pernah meletop sampai hebat sangat, saya tak pernah menang apa-apa anugerah tapi saya bersyukur sebab saya masih ada dalam industri sampai hari ni dan alhamdulillah saya masih mampu untuk membaca skrip yang panjang-panjang. Saya masih membaca, saya masih masih mampu mengingat dan saya masih mampu bergerak untuk memandu sorang-sorang ke utara selatan timur dan barat, saya masih lagi mampu bergerak, alhamdulillah

#### TAMAT BAHAGIAN 6

## PENUTUP

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Encik Zulkifli bin Ismail kerana telah sudi menerima untuk temubual bersama kami. Sehubungan itu, kami mendoakan agar Encik diberikan kesihatan yang baik, dipermudahkan segala urusan dan dilimpahkan rezeki yang tidak putus-putus. Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangaan Encik Zulkifli bin Ismail, di sepanjang perkhidmatan beliau sebagai penyanyi dan pelakon seni tanah air dari tahun 1986 sehingga kini. Kami mengucapkan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang industri seni nyanyian dan lakonan para penyelidik pada masa akan datang. Sesungguhnya yang baik itu datang daripada Allah S.W.T dan yang buruk itu datangnya dari kesilapan kami sendiri. Sekian terima kasih.

## 6.0 Log Temubual

LOG	TOPIK	
00:55:00 - 00:11:57	Peribadi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Berasal dari Alor Setar, Kedah.</li><li>• Merupakan anak tunggal setelah abang meninggal dunia.</li><li>• Mempunyai 3 beradik tiri seayah dan 3 beradik tiri seibu selepas ibubapa berpisah.</li><li>• Mendirikan rumah tangga pada tahun 1991.</li><li>• Menetap di Bandar Tun Razak, Cheras.</li><li>• Mempunyai dua orang cahaya mata</li><li>• Hobi kegemaran ialah membaca dan membuat penulisan</li><li>• Prinsip hidup Zulkifli Ismail adalah “Jangan susahkan orang lain”.</li><li>• Nama asal ialah nama komersil, tetapi mempunyai beberapa nama panggilan antara keluarga dan saudara-mara, serta nama panggilan dari watak lakonan.</li></ul>

00:12:19 - 00:37:58	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bersekolah di Sekolah Rendah Inggeris Gunung atau nama sekarang Sekolah Rendah Sri Gunung di Kedah.</li> <li>● Tidak pernah memperoleh apa-apa jawatan ketika sekolah rendah.</li> <li>● Pencapaian beliau di sekolah rendah agak menonjol dari awal tahun persekolahan.</li> <li>● Kenangan manis beliau di sekolah rendah ialah apabila beliau tertinggal bas untuk kembali ke sekolah dan cikgu mencari beliau di rumah.</li> <li>● Bersekolah menengah di 4 sekolah berbeza, iaitu Sekolah Menengah Alor Janggus, Sekolah Memengah Tunku Abdul Rahman, Akademi Utama dan Sekolah memengah Dato' Syed Omar.</li> <li>● Pernah menyertai Bulan Sabit Merah Kadet Polis dan merupakan pengawas sekolah.</li> <li>● Pencapaian beliau di sekolah menengah sederhana, lebih kepada aktiviti di luar sekolah seperti menulis karya dan membuat persembahan sketsa.</li> <li>● Mengambil aliran sains, tetapi minat aliran sastera.</li> <li>● Kenangan manis di sekolah menengah ialah apabila beliau memakai kasut lutsinar yang diilhamkan oleh Allahyarham Sudirman dan dirampas untuk sehari.</li> <li>● Menyambung pelajaran di Universiti Sains Malaysia.</li> <li>● Mengambil kursus Sijil Seni Kreatif.</li> <li>● Rakan-rakan lain beliau seperti</li> </ul>
------------------------	------------	--

		<p>Allahyarham Zaibo dan Dato' Tarmimi Siregar menyambung sampai ke peringkat ijazah.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berhasrat untuk menyambung semula pelajaran jika ada peluang.</li> <li>• Tips beliau semasa belajar ialah bahagi masa antara pelajaran dan aktiviti luar.</li> </ul>
00:38:15 - 01:31:35	Kerjaya	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mulakan karier awal sebagai seorang wartawan di Utusan Melayu pada tahun 1985.</li> <li>• Masih dalam sesi pembelajaran di USM semasa terlibat dalam kewartawanan dan lakonan.</li> <li>• Setahun kemudian, mula langkah dalam lakonan di TV3 melalui drama '<i>Basikalku</i>'.</li> <li>• Juga berkhidmat di stesen radio RTM secara sambilan sebagai pengacara, penulis skrip, suara larat dokumentari, penemu ramah dan penyampai.</li> <li>• Akibat tidak dapat menumpukan perhatian kepada RTM dan kerjaya lakonan yang semakin menaik, beliau meninggalkan RTM pada tahun 1992.</li> <li>• Peroleh kenangan berjumpa ramai orang hebat bersama Utusan Melayu.</li> <li>• Watak beliau dalam <i>Basikalku</i> ialah Sani, seorang pelajar tahun akhir di Universiti Malaya dan seorang yang meminati basikal.</li> <li>• Beliau merasakan gugup dan takut itu perkara biasa apabila berlakon.</li> <li>• Filem pertama beliau berlakon selepas beberapa drama ialah filem <i>Yassin</i> tahun</li> </ul>

	<p>1988.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Proses untuk berlakon tiada ujibakat, namun perlu melalui proses <i>casting</i> untuk melihat kesesuaian watak dengan pelakon.</li> <li>● Beliau merasakan bahawa bakat lakonan sahaja tidak mencukupi, bahkan perlu pendidikan dan ilmu dalam lakonan.</li> <li>● Dapat panggilan dari Dato' Yusuf Haslam tentang watak dalam <i>Gerak Khas</i> dan terus menerima watak tersebut.</li> <li>● Seminggu sebelum penggambaran, beliau pergi menimba ilmu tentang kepolisan seperti di Muzium Polis.</li> <li>● Beliau merasakan ASP Razlan merupakan watak yang bagus untuk dirinya dan masyarakat.</li> <li>● Beliau juga telah berlakon dalam lebih seratus filem dan telefilem sebelum munculnya <i>Gerak Khas</i>.</li> <li>● Beliau berpandangan bahawa penglibatan anak muda dalam teater sangat bagus.</li> <li>● Juga berpendapat yang kualiti lakonan pada zamannya lebih bagus, tetapi dari perspektif lain lakonan sekarang juga ada bagusnya, cuma perlu lebih diasah.</li> <li>● Berpandangan bahawa industri drama dan profileman sekarang ada baik dan buruknya.</li> <li>● Pemilihan berlakon dari zaman dulu dan sekarang juga lain, contohnya dulu lebih melihat kepada bakat dan kesesuaian watak tetapi sekarang ada yang memilih untuk memilih artis berdasarkan jumlah pengikut</li> </ul>
--	---

		<p>di media sosial.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak pernah terfikir untuk berhenti berlakon tetapi mungkin akan kurangkan atas faktor tertentu.</li> <li>• Pernah ditangkap di lapangan terbang semasa penggambaran oleh polis sebenar kerana tersalah faham dengan pengedar dadah.</li> </ul>
01:31:42- 01:39:53	Anugerah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak pernah memenangi sebarang anugerah lakonan.</li> <li>• Telah mendapat pingat bintang kebaktian masyarakat di Kuala Lumpur oleh Istana dari Almahrum Sultan Kedah pada masa itu.</li> <li>• Lebih berbangga dengan kejayaan beliau membawa sebarang watak dengan baik.</li> <li>• Tidak akan melibatkan diri jika siri <i>Gerak Khas</i> diberi nafas baru atas faktor kesesuaian watak lain yang lebih sesuai dengan beliau.</li> </ul>
01:39:58- 01:53:00	Cabaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara cabaran dalam lakonan adalah apabila terlibat dengan penggambaran suatu drama dan tidak dibayar sampai sekarang.</li> <li>• Beliau juga pernah menerima komen negatif di konten media sosialnya tetapi lebih tidak mengendahkan komen tersebut.</li> </ul>
01:53:09- 02:01:31	Harapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Harapan beliau adalah untuk generasi baru menimba ilmu dan tidak mengharapkan bakat semata-mata.</li> <li>• Juga berharap agar pemain industri hiburan</li> </ul>

		<p>lebih mengketengahkan elemen budaya tempatan dalam karya filem atau drama agar sesuai dengan masyarakat tempatan dan boleh pergi lebih jauh.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berterima kasih kepada sesiapa yang masih menyokongnya sampai ke hari ini, masih menerima beliau.</li> <li>• Bersyukur kerana walaupun tidak terkenal seperti artis lain tetapi masih kekal relevan setelah 37 tahun dalam industri ini.</li> </ul>
--	--	--

## 7.0 Ralat

- Gangguan bunyi batuk
- Gangguan Internet kurang laju

## 8.0 Glosari

SINGKATAN	MAKSUD
<b>A</b>	
Ahli	anggota (pertubuhan, persatuan, golongan, dll)
Akademik	mengenai atau ber-kaitan dgn akademi (pusat pengajian tinggi)
Aktif	giat (bekerja, berusaha), cergas: ia sedang ~ dlm pergerakan politik
Aliran	yg termasuk dlm sesuatu golongan yg khusus atau tertentu (bkn pem-bahagian atau pengelasan pelajar atau pelajar-an dsb), sekolah menengah ~ Melayu
Arwah	roh atau jiwa orang yg telah meninggal dunia
<b>B</b>	
Bakat	kebolehan semula jadi: ia memang mempunyai ~ seniman
Bantuan	sesuatu yg diberikan atau dilakukan utk membantu, pertolongan, sokongan
Belajar	berusaha utk memperoleh ilmu penge--tahuan (sesuatu kepandaian dll), menun-tut ilmu pengetahuan dll, menjalani latihan, dsb
Belajar	berusaha utk memperoleh ilmu penge--tahuan (sesuatu kepandaian dll), menun-tut ilmu pengetahuan dll, menjalani latihan, dsb
Berita	maklumat mengenai sesuatu kejadian (peristiwa, diri sendiri, dll) yg disampaikan (sama ada secara lisan atau dgn surat dsb), khabar, warta
Bibliografi	senarai terbitan (buku dll) tentang sesuatu subjek atau drpd seseorang pengarang
<b>C</b>	
Cadangan	sesuatu yg dicadangkan, anjuran, usul, saranan
<i>Call</i>	Telefon, menelefon
Cek	arahan bertulis (di atas keping-an kertas tertentu) kpd bank supaya membayarkan wang kpd pembawanya atau memasukkannya ke dlm akaun tertentu sebanyak yg tertulis pd arahan itu.
Cerita	kisah, riwayat (mengenai sesuatu peristiwa, kejadian, dll)
<i>Chief Inspector</i>	Pangkat dalam bidang kepolisan

Cikgu	panggilan bagi guru
<b>D</b>	
Dadah	ubat-ubatan; 2. bahan (spt ganja, he-roin, marijuana, dsb) yg merosakkan atau membinasakan orang yg menggunakannya ber--lanjutan (merosakkan kesihatan, mem-bawa maut, dll)
<i>Degree</i>	Tahap pendidikan, ijazah
Dikhuatiri/khuatir	ar agak cemas atau takut akan ber-lakunya sesuatu, berasa gelisah atau tidak sedap hati (kerana memikirkan sesuatu), bim-bang
Doktor	orang yg berkelayakan (bertauliah) mengamalkan perubatan
Drama	karya yg dipersembahkan oleh pe-lakon di pentas, radio, atau tv, sandiwara
<b>F</b>	
Falsafah	pengetahuan tentang pengertian yg dianggap sbg ilmu yg tertinggi yg menjadi dasar ilmu-ilmu lain
<i>Famous</i>	terkenal, diketahui ramai atau di merata tempat, termasyhur, ternama
Fasih	lancar dan baik sebutannya (ketika bercakap-cakap), petah
Fesyen	(fésyen) gaya pakaian, kosmetik, tingkah laku, dll, (terutamanya yg terbaru) yg menjadi kegemaran ramai
Filem	gambar bergerak yg ditayangkan pd layar, biasanya di pawagam, wayang gambar
Fizik	cabang ilmu sains yg mengkaji sifat-sifat jirim dan tenaga (spt haba, cahaya, bunyi, graviti, magnetisme) dan perkaitan antara semua unsur ini.
<b>G</b>	
Gagal	tidak berhasil atau berjaya, tidak (dapat) mencapai matlamat (cita-cita dsb yg dikehendaki) tidak jadi, kecewa
Gelaran	panggilan (sebutan) spt tengku (raja, tun, datuk, dll)
Geografi	(géografi) sains tentang fitur-fitur semula jadi permukaan bumi, termasuk topografi, iklim, tanah, tumbuh-tumbuhan, dan gerak balas manusia terhadapnya, ilmu alam.
<i>Girlfriend</i>	teman wanita
<i>Google</i>	terma yang digunakan untuk seseorang mencari sesuatu dengan melayari Internet

Gugup	gagap
<b>H</b>	
Hak	milik, kepunyaan
Hero	watak lelaki utama dlm cerita drama, filem, dll
Hisap	menghisap memasukkan sesuatu (ke dlm mulut atau hidung) dgn tarikan udara, menyedut masuk (ke dlm hidung atau mulut)
Hobi	kegemaran yg diamalkan pd waktu lapang dan bukan pekerjaan yg utama (spt mengum-pul setem, membaca, dll)
Hos	suatu jangka masa berlangsungnya atau berlakunya sesuatu aktiviti: ~ temu duga
<b>I</b>	
Ijazah	surat akuan yg diberikan oleh universiti sbg tanda tamat belajar dan telah lulus dlm peperiksaan
<b>J</b>	
Jawatan	kedudukan dlm pekerjaan yg menentukan tugas seseorang (spt sbg ketua pengarah, pegawai penyelidik, setiausaha, pengerusi, dsb)
Jenayah	perbuatan ~ kejahatan (spt men-curi, merompak, membunuh, dll) yg salah di sisi undang-undang, perbuatan salah (di sisi undang-undang), perbuatan kriminil
Judul	tajuk (karangan, majalah, buku, drama, dll)
Jurutera	orang yg terlatih dlm mereka, mem-buat, dan menggunakan (menjaga) jentera atau terlatih dlm mana-mana cabang ke-juruteraan
Juruterbang	juruterbang yg membantu ketua juru-terbang, dan kadang-kadang memandu kapal terbang
<b>K</b>	
Kadet	(kadét) pelajar di maktab tentera yg dilatih utk menjadi pegawai tentera, calon pegawai (dlm pentadbiran dll)
Kalangan	lingkungan, golongan
Kerajaan	negeri atau negara yg dikepalai oleh raja: ~ malaysia
Kesenian	perihal seni, yg berkaitan dgn seni, keindahan (kehalusan)
Khalayak	ramai orang ramai, orang banyak, umum

Kursus	pelajaran mengenai sesuatu perkara (kepandaian, pengetahuan, dsb) yg diberikan dlm jangka masa yg agak singkat
<b>L</b>	
Lahir	keluar dari kandungan (ibu dll)
Loghat	bahasa daerah; bahasa setempat; dialek
Lutsinar	dapat melihat melaluinya (kaca dll), hening
<b>M</b>	
Maju	bertambah baik keadaannya (dlm pelajaran, perniagaan, dll)
Malah	bahkan, kian (ber-tambah), makin (bertambah)
Media	(média) alat atau perantara komunikasi (perhubungan), spt radio, televisyen dan akhbar; ~ am pelbagai jenis saluran atau perantara komunikasi, alat atau saluran komunikasi amnya atau keseluruhannya
Minat	keinginan (kesukaan, kecenderungan) kpd sesuatu
Moto	kata semboyan, cogan kata; bermotokan mempunyai (menggunakan) se-suatu sbg moto
Muda	belum tua (orang dll), masih remaja: sesetengah daripada mereka masih ~ mentah
<b>N</b>	
Negatif	Cenderung membawa kesan atau pengaruh yang tidak elok (membahayakan atau merosakkan)
Nyanyuk	Berkelakuan seperti kanak-kanak (bukan orang yang sudah terlalu tua)
Nanti	Waktu yang akan datang, masa kemudian atau kelak
<b>O</b>	
Order	Membuat pesanan atau menyuruh
Offer	Menawarkan
Otai	Seorang yang sudah lama bergiat dalam sesuatu bidang atau seorang yang mempunyai banyak pengetahuan mengenai sesuatu perkara
Owner	Tuan punya atau pemilik
<b>P</b>	
Pangkat	Tingkatan kedudukan dalam kerja

Perpecahan	Keadaan berpecah-pecah atau berpecah belah atau keadaan tidak lagi bersatu padu
Penceraian	Perbuatan atau hal menceraikan
Puisi	Karangan bersajak seperti pantun, syair. pemuisi orang yang mencipta, mengarang, menulis atau mendeklamasi puisi
Popular	Digemari atau disukai rama
Penggal	Bahagian daripada masa pengajian setahun
Part	Sebahagian
Pengawas	Orang yang mengawasi, orang yang menjaga
Persembahan	Apa-apa yg disembahkan
Penutur	Orang yg bertutur atau menuturkan
Peristiwa	Sesuatu yang benar-benar berlaku; kejadian yang luar biasa atau yang menarik perhatian
Pahit	Sukar untuk ditanggung atau diterima
Paragraph	Perenggan
Penggambaran	Perbuatan (usaha, kegiatan dll) membuat gambar dengan menggunakan kamera dll utk tayangan dsb
Pelakon	Orang yg berlakon dlm drama
Penyampai	Orang yg menyampaikan
Production	Mengeluarkan
Pameran	Pertunjukan (hasil seni, buku, dll)
Proceed	Meneruskan
<b>Q</b>	
Quran	Kitab suci yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW untuk menjadi panduan hidup manusia
Qari	Pembaca Quran (lelaki)
<b>R</b>	
Risau	Hati rusuh hati, cemas, gelisah
Radio	Pemancaran (penghantaran, pengiriman, siaran) bunyi dll menerusi udara

Rasmi	Disahkan atau ditentukan oleh kerajaan atau oleh pihak yg bertanggungjawab
Ruangan	Petak dalam surat khabar dll; lajur
<b>S</b>	
Samaran	Sesuatu yang disamarkan (nama, rupa dll)
Segi	Pandangan atau pendapat terhadap sesuatu perkara; sudut pandangan
Swasta	Dimiliki sendiri (bukan milik kerajaan atau pemerintah)
Sketsa	Karangan atau lakonan pendek yang menggelikan hati
Sains	Ilmu pengetahuan yang teratur (sistematik) yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya
Sastera	Kesusasteraan hasil seni yang diwujudkan dlm bentuk karangan bebas atau dalam bentuk puisi
Skrip	Filem skrip yang disediakan untuk sesebuah filem, termasuk arahan kerja kamera dsb
Subjektif	Mengikut pandangan serta perasaan sendiri; pandangan atau pendapat yang dipengaruhi oleh sesuatu
Slanga	Kata-kata (ungkapan dsb) yang tidak tergolong dalam bahasa baku (biasa digunakan dalam percakapan tidak rasmi)
Spesifikasi	Butiran terperinci yang ditentukan atau dinyatakan untuk sesuatu
<b>T</b>	
Tersiar	Telah dihebahkan (diumumkan, dikhabarkan ke merata-rata)
Timbul	Berlaku; terjadi
Teknikal	Berkaitan dengan pelaksanaan sesuatu usaha, kerja dsb
Teliti	Cermat dan hati-hati (melakukan sesuatu)
Tabligh	Perbuatan menyampaikan perintah Allah kepada yang tidak mengetahui atau memberi peringatan kepada yang mengetahui
<b>U</b>	
Uji bakat	Proses pemilihan calon dengan melihat dan menilai kebolehannya atau bakatnya dalam bidang seni (lakonan, nyanyian, penyiaran dsb)
Utama	Penting sekali, terpenting: beliau sering diberi peranan

Universiti	Institusi atau pusat pengajian tinggi yang memberikan ilmu dalam pelbagai bidang, menjalankan penyelidikan ilmiah, dan menganugerahkan pelbagai peringkat ijazah
Upaya	Usaha untuk mencapai sesuatu maksud; ikhtiar
<b>W</b>	
Wartawan	Orang yang menulis berita atau rencana untuk surat khabar atau majalah
Watak	Tokoh atau pelaku dalam karya sastera atau seni
Waktu	Ukuran masa yang tertentu, jangka masa
Wakil	Orang yang diberi kuasa menggantikan atau bertindak bagi pihak orang lain, pengganti, sulih
<b>Y</b>	
Yang Berhormat	Panggilan kepada atau kata yang dipakai sebelum nama ahli majlis mesyuarat undangan negeri atau parlimen atau orang-orang yang bergelar Datuk dsb
<b>Z</b>	
Zaman	Jangka waktu yg agak lama; masa

## 9.0 Indeks

- Akhbar I, 9, 13, 14, 18, 19, 24, 33, 66  
Anugerah 46, 47, 56, 61  
Artis I, 14, 15, 60, 62, 71, 72, 77, 79, 81, 82  
Baca 19, 25, 33, 43, 44  
bakat 44  
Bakat 12, 13, 14, 15, 28, 31, 36, 37, 38, 43, 44, 54, 55, 60, 61, 68, 78, 79  
Basikal 33, 34, 52, 59  
Belajar 20, 25, 26, 28, 29, 30, 31, 40, 41, 54, 59, 65, 76  
Berlakon I, 9, 13, 17, 25, 27, 28, 31, 32, 34, 36, 37, 38, 40, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 50, 51, 55, 59, 60, 61, 67, 77, 78, 79  
Bersama I, II, 12, 26, 32, 33, 47, 57, 59, 76, 77, 80, 82, 83  
Bidang 9, 11, 13, 16, 28, 33, 35, 39, 44, 45, 47, 54, 55, 57, 63, 66, 68, 77, 79, 80  
Budaya 55, 62  
Cabaran 29, 49, 50, 61, 76, 80  
Cerita 14, 32, 34, 36, 38, 40, 41, 47, 48, 49, 55, 64  
Cikgu 22, 24, 25, 26, 27, 41, 58  
Contoh 26, 28, 35, 39, 43, 50, 52, 53, 54  
Dato 23, 26, 27, 38, 47, 48, 50, 58, 59, 60  
Drama 9, 12, 14, 15, 17, 25, 31, 33, 36, 37, 43, 48, 51, 59, 60, 61, 62, 64, 65, 67, 77, 78, 79, 80, 84  
Episod 15, 50, 51  
Hebat 33, 36, 42, 43, 55, 56, 59, 79  
Hero 31, 36, 41, 48  
Ijazah 27, 29, 41, 54, 59, 63, 68  
Ilmu 11, 28, 31, 32, 38, 39, 40, 41, 42, 54, 55, 57, 60, 61, 63, 64, 68  
Industri I, 9, 11, 12, 14, 43, 54, 55, 56, 57, 60, 61, 62, 77, 78, 79, 80, 81  
Kamera 34, 35, 45, 46, 67, 68, 78  
Kampung 14, 18, 22, 23, 30, 31, 32, 39  
Kedah 8, 9, 18, 23, 25, 26, 31, 39, 47, 52, 57, 58, 61, 79, 84  
Lakonan I, 9, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 24, 27, 31, 35, 37, 39, 42, 44, 45, 46, 47, 54, 57, 59, 60, 61, 68, 72, 77, 78, 79, 80, 81  
Loghat 25, 26, 53, 79  
Majalah I, 24, 33, 65, 69  
Malaysia I, III, 9, 11, 13, 14, 17, 23, 27, 28, 30, 41, 42, 43, 47, 54, 55, 58, 72, 79, 80, 82  
minat 12, 25, 31, 34, 52, 58  
Muzium 18, 39, 60  
Naskah 42, 51  
Pangkat 17, 38, 39, 47, 80  
Pelakon I, 9, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 28, 29, 31, 32, 35, 36, 37, 38, 41, 42, 43, 44, 45, 47, 48, 51, 52, 55, 57, 60, 71, 72, 77  
Pengalaman 12, 13, 16, 30, 32, 36, 45, 46, 57, 77  
Pengarah 31, 34, 35, 37, 42, 43, 44, 45, 46, 50, 51, 52, 54, 65  
Pertama I, II, V, 9, 12, 17, 19, 21, 22, 23, 24, 30, 32, 33, 34, 35, 36, 38, 39, 41, 46, 47, 48, 49, 54, 59, 77, 78  
Polis 23, 39, 40, 45, 46, 47, 49, 61, 80

- |                 |  |  |
|-----------------|--|--|
| Popular         | 9, 19, 26, 29, 33, 36, 43, 44  | Tahun I, 9, 11, 12, 13, 14, 16, 17, 19, 21, 29, 31, 32, 33, 36, 37, 39, 40, 41, 47, 48, 51, 53, 56, 57, 58, 59, 62, 72, 75, 76, 77, 80 |
| Radio           | I, 19, 24, 37, 59, 64, 66  | Teater I, 12, 31, 37, 41, 42, 60, 78   |
| Sekarang        | 17, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 26, 27, 34, 36, 38, 39, 40, 42, 43, 45, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 58, 60, 61, 75, 78, 79, 80 | Terima II, 17, 18, 19, 21, 23, 40, 45, 47, 56, 57  |
| Seni            | I, III, 9, 13, 20, 27, 30, 54, 58  | Utusan Melayu 9, 19, 30, 31, 59  |
| <i>Shooting</i> | 32, 40, 45, 46, 47, 50, 51   | Wartawan 9, 12, 13, 30, 31, 33, 59, 72   |
| Siri            | 9, 17, 40, 47, 53, 61, 78, 80  | Watak 9, 12, 15, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 47, 48, 49, 51, 57, 59, 60, 61, 64, 69, 77, 78, 79, 80            |
| skrip           | 32, 34, 35, 36, 43, 44, 45, 46, 56, 68   | Zaman 19, 22, 29, 36, 38, 42, 43, 50, 60, 78   |
| Skrip           | 25, 32, 68   |  |

## **10.0 Bibliografi**

- Abd. Aziz. S. A. (2011). Zulkifli Ismail Berjaya Buang Tabiat Merokok. Mstar. Retrieved from <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2011/05/24/zulkifli-ismail-berjaya-buang-tabiat-merokok>
- Abd. Aziz. S., (2022). Pelakon Veteran ‘beralah’ soal bayaran dengan artis muda. mStar. <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2009/02/17/pelakon-veteran-beralah-soal-bayaran-dengan-artis-muda>
- Abd. Wahab. N., (2019). “Jangan Terlalu Gembira Kerana Kura-Kura Itu Adalah Kita, “Zulkifli Ismail. Media Hiburan. <https://www.mediahiburan.my/jangan-terlalu-gembira-kerana-kura-kura-itu-adalah-kita-zulkifli-ismail/amp/>
- Abd. Wahab. N., (2020). “Allahyarham Telah Ditembak Ketika...,- Al-Fatihah, Pelakon Zulkifli Ismail Imbau Kisah 46 Tahun Lalu”. Media Hiburan. <https://www.mediahiburan.my/allahyarham-telah-ditembak-ketika-al-fatihah-pelakon-zulkifli-ismail-imbau-kisah-46-tahun-lalu/>
- Abdul Manaf, Z. (2022). "Selamat Pengantin Baru Puteriku." Hanya 3 Minggu Plan, Zulkifli Ismail Titip Syukur Majlis Nikah Anak Lancar! . KELUARGA. Retrieved 18 February 2022, from <https://www.keluarga.my/selamat-pengantin-baru-puteriku-hanya-3-minggu-plan-zulkifli-ismail-titip-syukur-majlis-nikah-anak-lancar/>
- Ayu. M., (2021). ‘Segaknya’- Peminat Terpukau Lihat Wajah Kacak Pelakon Zulkifli Ismail Masa Muda. Murai Malaysia. Retrieved from <https://murai.my/2021/135126/segaknya-peminat-terpukau-lihat-wajah-kacak-pelakon-zulkifli-ismail-masa-muda/>

Mohd. S. S., (2021). Zulkifli kongsi perkhabaran artis di media sosial. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/852656/zulkifli-kongsi-perkhabaran-artis-di-media-sosial>

Mohd. S. S., (2021). Zulkifli tinggal kerjaya wartawan demi lakonan. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/09/860074/zulkifli-tinggal-kerjaya-wartawan-demi-lakonan>

Shalla Mahmud, F., & Mohd Sallehuddin, S. (2022). Artis veteran susut nilai. Berita Harian. Retrieved 19 February 2022, from  
<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>

Yusoff. N., (2021). Kongsi Gambar Waktu Remaja, Peminat Terpukau Wajah Kacak Pelakon Zulkifli Ismail. Keluarga. Retrieved from <https://www.keluarga.my/kongsi-gambar-waktu-remaja-peminat-terpukau-wajah-kacak-pelakon-zulkifli-ismail/>

## 11.0 Lampiran

### 11.1 Surat Perjanjian



#### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... ZULKIFLI BIN ISMAIL ..... K/P ..... 630426-02-5261 ..... pada  
10 FEBRUARI 2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa membatasi bayaran/tuntutan dan mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperoleh.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang dikehendaki perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemati oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dan Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dan rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh: ZULKIFLI BIN ISMAIL )  
Tarikh : .....

(Nama penyelidik: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

## 11.2 Senarai Soalan

### A. Latar belakang peribadi

1. Apakah nama penuh Encik?
2. Bilakah tarikh lahir Encik?
3. Adakah Encik mempunyai nama gelaran di kalangan keluarga atau rakan-rakan?
4. Di manakah Encik dilahirkan dan dibesarkan?
5. Berapakah bilangan adik-beradik Encik dan Encik merupakan anak yang ke berapa?
6. Apakah cita-cita Encik pada waktu kecil dahulu?
7. Apakah hobi kegemaran yang selalu dilakukan pada waktu lapang Encik?
8. Pada tahun bilakah Encik mendirikan rumah tangga?
9. Berapakah bilangan anak-beranak dan cucu Encik sekarang?
10. Dimanakah Encik menetap sekarang?
11. Apakah moto atau pegangan hidup yang Encik pegang?

### B. Latar belakang Pendidikan

#### Sekolah Rendah

12. Dimanakah Encik menerima Pendidikan sekolah rendah pada waktu dahulu?
13. Pada tahun berapakah Encik menerima Pendidikan sekolah rendah?
14. Adakah Encik pernah menjawat jawatan apa-apa sewaktu di sekolah rendah?
15. Apakah pencapaian terbaik Encik sewaktu di sekolah rendah?
16. Bolehkah Encik mengimbau kembali satu kenangan manis yang Encik lalui sewaktu di sekolah rendah?

#### Sekolah Menengah

17. Dimanakah Encik menerima pendidikan sekolah menengah?
18. Tahun berapakah Encik menerima pendidikan sekolah memengah?

19. Adakah Encik pernah terlibat dengan apa-apa aktiviti kelab atau organisasi sekolah sewaktu di sekolah menengah?
20. Apakah pencapaian tertinggi Encik di sekolah menengah?
21. Apakah subjek kegemaran Encik dan mengapa?
22. Siapakah rakan karib Encik sewaktu Encik di sekolah menengah?
23. Apakah cita-cita Encik di waktu sekolah menengah?
24. Apakah kenangan manis di sekolah menengah yang Encik dapat kongsikan bersama kami?

#### Peringkat Universiti

25. Dimanakah Encik melanjutkan pelajaran di peringkat universiti?
26. Apakah jurusan yang Encik ambil?
27. Berapa lamakan Encik melanjutkan pembeajaran di universiti?
28. Adakah Encik akui pernah mendapat pencapaian terbaik sewaktu di universiti?
29. Pernahkah Encik ada melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti kelab/persatuan sewaktu di universiti dahulu?
30. Boleh Encik kongsikan sedikit tips bagaimana Encik bahagikan waktu di universiti dengan terlibat dalam aktiviti-aktiviti luar kampus?
31. Apakah cabaran yang sering dihadapi ketika belajar dia universiti?
32. Pada tahun bilakah Encik menamatkan pengajian?
33. Bolehkah Encik kongsikan satu kenangan manis sewaktu di universiti?

### **C. Pengalaman kerjaya**

#### a) Awal kerjaya

34. Setelah tamat pengajian, apakah pekerjaan pertama Encik?
35. Apakah karya pertama Encik semasa Encik menjadi penulis?
36. Bagaimana sambutan orang ramai terhadap karya Encik?
37. Bagaimana Encik terlibat dengan bidang kewartawanan?
38. Siapakah inspirasi Encik sewaktu Encik masih menulis pada waktu itu?
39. Menurut Internet, Encik pernah bekerja bersama pihak Utusan. Boleh berkongsi antara pengalaman Encik bersama Utusan?
40. Pada tahun berapakah Encik meletak jawatan?

#### b) Bidang lakonan

41. Pada tahun berapakah Encik mula menceburi bidang lakonan sebagai pelakon?
42. Apakah karya pertama Encik sebagai pelakon?
43. Watak apakah yang Encik bawa dalam karya tersebut?
44. Bolehkah berkongsi bagaimana Encik mendapat tawaran pertama untuk berlakon?
45. Adakah Encik berasa gugup atau takut apabila pertama kali berlakon?
46. Apakah perasaan Encik apabila karya pertama dikeluarkan di kaca televisyen dan disambut baik penonton negara?
47. Apakah pandangan keluarga Encik tentang kerjaya Encik sebagai seorang artis lakonan?
48. Siapakah inspirasi atau pendorong untuk Encik menceburi bidang lakonan?
49. Adakah Encik menceburi bidang lain selain dalam bidang lakonan di industri hiburan tanah air?
50. Apakah filem pertama Encik setelah berkecimpung dalam bidang lakonan di skrin televisyen?
51. Adakah Encik melalui proses ujibakat sebelum mendapat sesuatu watak dalam filem atau drama?

52. Bagaimanakah sambutan filem tersebut dan watak yang dibawa oleh Encik?
53. Pada pendapat Encik, adakah berlakon untuk drama bersiri dan filem mempunyai situasi sama?
54. Adakah perlu untuk ada bakat dalam lakonan untuk menceburi dunia lakonan?
55. Encik terkenal dengan watak ASP Razlan dalam Gerak Khas. Boleh berkongsi bagaimana Encik mendapat watak tersebut?
56. Apakah reaksi penonton apabila siri pertama Gerak Khas lakonan ASP Razlan yang dibawa oleh Encik menemui kaca televisyen negara?
57. Apakah perasaan Encik apabila ASP Razlan disambut baik oleh penonton?
58. Berapa lamakah Encik membawa watak tersebut di dalam siri Gerak Khas?
59. Bilakah kali terakhir Encik membawa watak tersebut?
60. Apakah antara impak yang watak ASP Razlan berikan kepada Encik?
61. Apakah antara karya filem dan telefilem yang Encik telah lakukan sebelum siri Gerak Khas?
62. Apakah antara watak-watak yang Encik lakonkan di drama dan filem yang memberi kesan dalam diri Encik?
63. Adakah susah untuk golongan baru untuk mendalami dan mempelajari seni lakonan pada zaman sekarang?
64. Apakah pandangan Encik tentang pilihan watak dalam era lakonan sekarang berbanding era dahulu?
65. Sepanjang Encik berlakon dalam industri seni tanah air, apakah antara isu hangat yang Encik pernah hadapi?
66. Bagaimana Encik tangani isu itu supaya tidak mengganggu fokus Encik untuk berlakon?
67. Adakah Encik ada hasrat untuk mengarah suatu telefilem atau apa-apa karya?
68. Selain dari lakonan di kaca televisyen dan layar perfileman, adakah Encik juga pernah terlibat dengan pementasan teater?
69. Apakah teater pertama yang Encik pernah terlibat?
70. Adakah perasaan berlakon di depan kamera dan secara langsung teater berbeza?
71. Apakah pandangan Encik tentang penglibatan anak muda dalam pementasan teater?
72. Pada pendapat Encik, apakah komen Encik tentang kualiti lakonan zaman sekarang berbanding dengan zaman dahulu?

73. Adakah antara ahli keluarga Encik yang ingin-telah mengikuti jejak langkah Encik sebagai seorang artis?
74. Apakah petua atau tips Encik untuk kekal relevan dalam dunia lakonan?
75. Apakah pendapat Encik tentang industri drama dan perfileman sekarang? Adakah Malaysia makin maju atau mundur dalam industry ini berbanding dulu?
76. Pada pendapat Encik, adakah Encik bersetuju bahawa bakat itu lebih penting daripada penampilan dan paras rupa seseorang untuk terlibat dalam bidang lakonan?
77. Siapakah antara artis lama yang masih rapat dan berhubung dengan Encik sehingga sekarang?
78. Adakah Encik pernah terdetik untuk berhenti dari dunia lakonan? Jika ya, mengapa?
79. Adakah Encik mempunyai sebarang kerjaya lain seperti bisnes luar selain berlakon?
80. Apakah antara kenangan manis Encik sebagai ASP Razlan dalam Gerak Khas?
81. Selain dari itu, apakah antara kenangan manis Encik sepanjang terlibat dalam dunia lakonan seni tanah air?
82. Adakah Encik pernah lalui detik pahit dalam bidang lakonan yang Encik tidak boleh lupakan sehingga ke hari ini?
83. Encik juga terkenal dalam drama-drama tempatan yang memberi impak dalam negara seperti *Suamiku Encik Sotong*, *7 Hari Mencintaiku*, *Pinggan Tak Retak Nasi Tak Dingin* dan yang paling terbaru *Bunga Hati*. Apakah perasaan Encik apabila dapat terlibat dalam drama-drama hebat ini?
84. Adakah drama-drama ini telah memberi impak bagus dalam industri seni dan untuk rakyat Malaysia?
85. Apakah watak antagonis yang Encik pernah dapat?
86. Encik juga aktif di media sosial seperti TikTok, dengan menyajikan konten seperti loghat Kedah yang makin dilupakan. Apakah perasaan Encik bila konten sebegitu dipandang baik masyarakat?
87. Apakah pandangan Encik apabila sesetengah golongan muda sekarang memilih Encik untuk menjadi idola mereka?
88. Adakah Encik memandang media sosial sebagai satu media yang bagus untuk menyebarkan maklumat? Mengapa?

89. Jika diberi peluang, adakah Encik ingin melibatkan diri lagi dalam lakonan di masa hadapan?

#### **D. Pencapaian**

90. Apakah pencapaian Encik sepanjang Encik berkarya dalam dunia lakonan?

91. 11 tahun bersama Gerak Khas juga suatu pencapaian, dari ASP dinaikkan pangkat ke DSP dan seterusnya Superitenden. Apakah perasaan Encik apabila dapat terlibat dalam siri bersejarah ni Malaysia ini?

92. Adakah Encik mempunyai hasrat untuk menjadi polis yang sebenar apabila menjadi watak polis dalam Gerak Khas?

93. Menurut Internet, Gerak Khas juga tercatat dalam Malaysian Book of Records sebagai drama bersiri palin lama bersiaran di Malaysia. Apakah pandangan Encik tentang pencapaian Gerak Khas?

94. Jika Gerak Khas diberi nafas baru, adakah Encik ingin melibatkan diri?

#### **E. Cabaran**

95. Apakah antara cabaran hidup yang paling diingati Encik?

96. Sepanjang kewujudan pandemic Covid-19, adakah ia memberi kesan yang besar kepada Encik? Apakah antara kesan yang Encik alami?

97. Berkaitan dengan konten Encik di media sosial, pernahkan Encik menerima komen negatif dari pihak netizen?

98. Bagaimanakah Encik menghadapi kecaman dan komen negatif dari netizen sekarang?

#### **F. Harapan**

99. Apakah harapan encik kepada generasi sekarang yang berkecimpung dalam bidang industri seni ini?

100. Apakah nasihat Encik sebagai artis veteran yang berpengalaman kepada artis-artis yang baru naik dan anak muda yang ingin melibatkan diri dalam seni lakonan tanah air?
101. Apakah harapan Encik terhadap industri perfileman pada masa kini?
102. Sebagai seorang artis veteran yang telah banyak melalui liku susah senang dalam industry lakonan tanah air, apakah kata-kata semangat yang ingin disampaikan kepada masyarakat luar yang ingin meneruskan hidup mereka sebagai seniman?
103. Akhir sekali, boleh Encik berikan sedikit kata-kata penutup untuk para peminat Encik yang menyokong Encik dari dulu sehingga kini?

### 11.3 Diari Penyelidikan

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 pagi – 9.00 pagi	18/10/2021 (Isnin)	Mendapat tugasan Kami diberikan tugas oleh pensyarah dimana kami perlu mencari artis veteran di Malaysia untuk untuk sesi wawancara akan datang	Membuat catatan tentang yang tugasan yang diberikan oleh pensyarah.
8.00 pagi – 10.00 malam	19/10/2021 (Selasa)	Mencari artis veteran Kami mencari artis-artis veteran yang terdapat di Malaysia melalui pencarian Google yang sesuai dengan tugasan kami	Kami sekumpulan mencari dan berbincang artis yang sesuai untuk dibuat wawancara bersama.
8.00 pagi – 10.00 malam	10/2/2022 (Khamis)	Selepas mendapat persetujuan artis pilihan, kami membuat panggilan untuk berbincang mengenai tarikh yang sesuai	Kami membuat panggilan dan berbual melalui Instagram untuk bertanya jika artis veteran tersebut bersetuju atau tidak
1.00 tengah hari – 3.00 petang	12/2/2022 (Sabtu)	Mengatur tarikh temujanji bersama artis veteran Kami berbincang dengan artis veteran yang telah dipilih untuk membuat wawancara bersama iaitu pada 13/2/2022 dan bersetuju untuk memilih tarikh tersebut	Kami mengadakan sesi perbincangan bersama artis pilihan untuk tarikh wawancara
4.30 petang – 7.10 petang	13/2/2022 (Ahad)	Wawancara bersama artis veteran. Wawancara bersama artis veteran diadakan pada pukul 4.30 petang sehingga 7.10 petang pada tarikh 13/2/2022 dengan menggunakan aplikasi Google Meet	Kami melakukan sesi wawancara dan mencatat hasilnya selama wawancara berlangsung
8.00 pagi – 10.00 malam	14/2/2022 (Isnin)	Membuat transkrip	Kami mempelajari video wawancara dengan seniman veteran untuk menghasilkan transkrip.
8.00 pagi – 10.00 malam	20/2/2022 (Jumaat)	Penyediaan transkrip	Kami menyediakan transkrip
8.00 pagi – 10.00 malam	24/2/2022 (Khamis)	Menghantar transkrip lengkap	Kami membuat penghantaran transkrip yang lengkap ke pensyarah kami

#### 11.4 Gambar, sijil-sijil dan bahan lain yang berkaitan



Rajah 1: Sesi wawancara bersama Zulkifli Ismail di dalam Google Meet



Rajah 2: Sesi wawancara bersama Zulkifli Ismail di dalam Google Meet



Rajah 3: Aktor Zulkifli Ismail sebagai ASP Razlan dalam drama bersiri *Gerak Khas*



Rajah 4: Antara konten Zulkifli Ismail berkaitan dialek Kedah di *Tiktok*